# PERTANYAAN – PERTANYAAN BERTULIS

## MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KELIMA BELAS TAHUN 2024 PADA 4 JULAI – 5 JULAI 2024 (KHAMIS-JUMAAT), 9 JULAI – 12 JULAI 2024 (SELASA– JUMAAT) DAN 15 JULAI – 18 JULAI 2024 (ISNIN – KHAMIS)

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **( 1 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA<br>Y.B. PUAN PUA PEI LING<br>(BUKIT LANJAN)** | | | | |
| **1.** | **KEBERKESANAN PBT** | | | |
| | **a)** | Apakah mekanisme untuk menilai keberkesanan dan prestasi perkhidmatan PBT? | **SPBT** | |
| | **b)** | Apakah KPI PBT untuk selesaikan aduan penduduk? | **SPBT** | |
| | **c)** | Senaraikan bilangan aduan yang diterima mengikut PBT, bilangan aduan yang telah berjaya diselesaikan dan bilangan aduan yang masih tertangguh bermula tahun 2023 sehingga sekarang. | **SPBT** | |
| | | | | |
| **2.** | **BAS SMART SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Senaraikan perkhidmatan Bas Smart Selangor mengikut laluan yang telah disediakan di bawah kawasan MBPJ & MPS di mana berkhidmat di sekitar kawasan DUN Bukit Lanjan. | **SPBT** | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | b) | Senaraikan rekod penumpang mengikut bulan bermula tahun 2023 hingga bulan Mei 2024. | **SPBT** | |
| | c) | Bagaimana tahap kepuasan pengguna diukur dan dinilai dalam perkhidmatan Bas Smart Selangor dan apakan tindakan dari Kerajaan Negeri? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **3.** | **PEMBANGUNAN USAHAWAN BELIA** | | | |
| | a) | Apakah program-program sokongan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi membangunkan kemahiran keusahawanan di kalangan belia? | **SEKTORAL** | |
| | b) | Bagaimanakah Kerajaan Negeri membantu memastikan usahawan belia mempunyai akses kepada pasaran tempatan dan antarabangsa? | **SEKTORAL** | |
| | c) | Bagaimana Kerajaan Negeri memastikan infrastruktur digital yang mencukupi untuk menyokong perniagaan belia dalam era digital ini? | **SEKTORAL/ SIDEC** | |
| | | | | |
| **4.** | **PERUMAHAN** | | | |
| | a) | Apakah langkah Kerajaan untuk mempertimbangkan bantuan kewangan kecemasan bagi membaikpulih kerosakan lif dan infra lain di pangsapuri kos rendah? | **LPHS** | |
| | b) | Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi penyediaan saluran komunikasi khusus yang tersedia bagi golongan berpendapatan rendah untuk menyuarakan pendapat dan masalah berkaitan perumahan mereka kepada pihak berkuasa jika saluran komunikasi antara JMB atau Badan Pengurusan gagal? | **LPHS** | |
| | c) | Apakah pelan-pelan pembangunan masa depan bagi perumahan kos rendah di Selangor? | **LPHS** | |
| | | | | |
| **5.** | **INOVASI DAN KEUSAHAWANAN** | | | |
| | a) | Apakah sokongan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada inovasi dan keusahawanan dalam bidang teknologi di Selangor? | **SEKTORAL/ INVEST** | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | b) | Bagaimana Kerajaan Negeri mempromosikan persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan syarikat teknologi tempatan di Selangor? | **INVEST** | |
| | c) | Apakah langkah-langkah yang diambil untuk melibatkan komuniti setempat dalam pembangunan dan penggunaan teknologi di Selangor? | **INVEST** | |
| | | | | |
| **6.** | **PENGANGKUTAN AWAM** | | | |
| | a) | Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membangun ekosistem pengangkutan awam yang mampan? | **SPBT** | |
| | b) | Bagaimana Kerajaan Negeri mempromosikan penggunaan pengangkutan awam sebagai alternatif kepada penggunaan kenderaan peribadi? | **SPBT** | |
| | c) | Apakah strategi jangka masa panjang Kerajaan Negeri dalam meningkatkan lagi penggunaan pengangkutan awam? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **7.** | **PEMBANGUNAN MODAL INSAN** | | | |
| | a) | Bagaimana Kerajaan Negeri memastikan peluang pekerjaan yang mencukupi untuk graduan dan tenaga kerja berkemahiran di negeri ini? | **AP / SEKTORAL** | |
| | b) | Apakah inisiatif yang diambil untuk mengurangkan kadar pengangguran di kalangan belia di Selangor? | **AP / SEKTORAL** | |
| | c) | Apakah program sokongan yang disediakan untuk usahawan muda di Selangor dalam membangunkan perniagaan mereka? | **AP / SEKTORAL** | |
| | | | | |
| **8.** | **PERPADUAN RAKYAT** | | | |
| | a) | Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk memupuk dasar perpaduan untuk pelaksanaan di Negeri Selangor? | **SEKTORAL** | |
| | b) | Bagaimana Kerajaan Negeri memastikan bahawa dasar-dasar ini dilaksanakan dengan berkesan di semua peringkat masyarakat? | **SEKTORAL** | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | c) | Adakah kerajaan menyediakan geran program kepada NGO atau perbadanan komuniti setempat bagi melaksanakan program komuniti yang berkonsepkan perpaduan rakyat? Ulaskan secara terperinci. | **SEKTORAL** | |
| | | | | |
| **9.** | **TENAGA SOLAR** | | | |
| | a) | Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk meningkatkan penggunaan tenaga solar di Selangor? | **SPBT** | |
| | b) | Bagaimana Kerajaan Negeri menyokong pemasangan dan penggunaan sistem solar di rumah-rumah dan perniagaan? | **SPBT** | |
| | c) | Apakah projek infrasturktur tenaga yang sedang dan akan dijalankan di Selangor untuk meningkatkan kecekapan dan kestabilan bekalan tenaga? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **10.** | **PEMODENAN PERTANIAN** | | | |
| | a) | Apakah bentuk pembiayaan dan insentif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk membantu petani mengadaptasi teknologi pertanian moden? | **JAB. PERTANIAN** | |
| | b) | Apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan bahawa peningkatan produktiviti pertanian tidak mengorbankan keselamatan dan kualiti makanan? | **JAB. PERTANIAN** | |
| | c) | Apakah cabaran yang dihadapi dalam usaha memodenkan sektor pertanian di Selangor dan bagaimana untuk mengatasinya? | **JAB. PERTANIAN** | |
| | | | | |
| **( 2 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA<br>Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI<br>(PELABUHAN KLANG)** | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | **AKTIVITI SENI DAN KEBUDAYAAN** | | | |
| | a) | Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mempromosikan aktiviti seni dan kebudayaan tradisional di kalangan belia? | **PADAT / SEKTORAL** | |
| | | | | |
| 2. | **KEMUDAHAN REKREASI GOLONGAN OKU** | | | |
| | a) | Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menambahbaik penyediaan kemudahan rekreasi untuk golongan kurang upaya di negeri ini? | **SEKTORAL** | |
| | | | | |
| 3. | **JURANG KEMISKINAN WARGA EMAS** | | | |
| | a) | Adakah Kerajaan Negeri mempunyai maklumat warga emas yang masih bekerja untuk menyara hidup? | **SEKTORAL** | |
| | b) | Bagaimanakah Kerajaan Negeri merancang untuk mengurangkan kemiskinan dalam kalangan warga emas di Negeri Selangor? | **SEKTORAL** | |
| | | | | |
| 4. | **HAIWAN TERANCAM DI NEGERI SELANGOR** | | | |
| | a) | Adakah Negeri Selangor mempunyai spesies haiwan terancam yang dilindungi? | **PERHILITAN** | |
| | b) | Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam melindungi dan memulihara spesies haiwan terancam di Negeri Selangor? | **PERHILITAN** | |
| | | | | |
| 5. | **GOLONGAN OKU DI DALAM ARENA SUKAN** | | | |
| | a) | Berapakah jumlah atlet kurang upaya yang masih aktif di dalam arena sukan di Negeri Selangor? | **SEKTORAL/ MSNS** | |
| | b) | Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menggalakkan penyertaan lebih ramai golongan kurang upaya dalam arena sukan? | **SEKTORAL/ MSNS** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **6.** | **PERTUMBUHAN INDUSTRI KREATIF** | | | |
| | **a)** | Apakah jenis-jenis industri kreatif yang ada di Negeri Selangor? | **SEKTORAL** | |
| | **b)** | Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menggalakkan lagi pertumbuhan industri kreatif di Negeri Selangor? | **SEKTORAL** | |
| | | | | |
| **7.** | **PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN WARISAN BUDAYA DAN SEJARAH NEGERI SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pemuliharaan dan pemeliharaan warisan budaya dan sejarah Negeri Selangor? | **PADAT** | |
| | **b)** | Senaraikan lokasi warisan budaya yang telah dipulihara dan dipelihara oleh Kerajaan Negeri? | **PADAT** | |
| | | | | |
| **8.** | **KHIDMAT SOKONGAN PSIKOSOSIAL MANGSA KEGANASAN RUMAH TANGGA** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah kes yang direkodkan melibatkan keganasan rumah tangga di Negeri Selangor? | **SEKTORAL** | |
| | **b)** | Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan sokongan psikososial untuk mangsa keganasan rumah tangga? | **SEKTORAL** | |
| | | | | |
| **9.** | **GAYA HIDUP AKTIF DAN SIHAT** | | | |
| | **a)** | Apakah inisiatif khusus yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mempromosikan gaya hidup aktif dan sihat di kalangan penduduk di Negeri Selangor? | **SPBT** | |
| | **b)** | Adakah Kerajaan Negeri dapat menyenaraikan semua program yang telah dilaksanakan berkaitan gaya hidup sihat dan aktif daripada tahun 2020 sehingga kini? | **SPBT** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **10.** | **KEMUDAHAN PERPUSTAKAAN AWAM DI NEGERI SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah pengunjung Perpustakaan Awam di Negeri Selangor daripada tahun 2018 sehingga kini? | **PPAS** | |
| | **b)** | Apakah strategi Kerajaan Negeri bagi meningkatkan jumlah pengunjung ke Perpustakaan Awam di Negeri Selangor? | **PPAS** | |
| | | | | |
| | | **( 3 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA<br>Y.B. TUAN CHEONG KIAN YOUNG<br>(KAJANG)** | | |
| **1.** | **KESESAKAN JALAN YANG SERIUS DI JALAN KAJANG BY PASS, JLN SG. LONG, JLN REKO, JALAN BUKIT, BANDAR KAJANG, DAN PERSIARAN BANDAR MAHKOTA CHERAS 1** | | | |
| | **a)** | Apakah cadangan jangka masa pendek pihak Kerajaan Negeri untuk mengatasi isu kesesakan ini? | **JKR / MPKj** | |
| | **b)** | Apakah cadangan jangka masa panjang pihak Kerajaan Negeri untuk mengatasi isu kesesakan ini? | **JKR / MPKj** | |
| | | | | |
| **2.** | **STATUS TANAH PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR (PKPS) DI DAERAH HULU LANGAT** | | | |
| | **a)** | Sila senaraikan semua tanah milikan PKPS di Daerah Hulu Langat. | **PKPS** | |
| | **b)** | Apakah status tanah dan aktiviti di atas tanah tersebut? | **PKPS** | |
| | | | | |
| **3.** | **LEBUHRAYA EKVE** | | | |
| | **a)** | Bilakah EKVE akan siap sepenuhnya? | **MAKRO** | |
| | **b)** | Pembinaan lebuhraya ini telah menyebabkan banjir di sekitar kawasan terowong Twin Palm Kajang. Apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi isu ini? | **MAKRO/ JPS** | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |
| **4.** | **ISU PEMAJUAN TANAH DI KELAB GOLF NEGERI SELANGOR YANG DIMILIKI OLEH PKNS** | | | |
| | **a)** | Adakah proses RFP tender ini dijalankan dengan telus dan mengikut prosedur sedia ada? | **PKNS** | |
| | **b)** | Sila kemukakan dokumen perjanjian tersebut untuk rujukan. | **TOLAK** | |
| | | | | |
| **5.** | **KEMUDAHAN PUSAT AKTIVITI BELIA DI KAJANG** | | | |
| | **a)** | Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan kemudahan pusat aktiviti belia di Kajang? | **MSNS** | |
| | | | | |
| **6.** | **ISU DAN TINDAKAN TERHADAP MASALAH LAMPU JALAN YANG TIDAK BERFUNGSI DAN JALAN BERLUBANG** | | | |
| | **a)** | Apakah SOP Kerajaan Negeri untuk menangani isu ini? | **JKR** | |
| | **b)** | Adakah pihak Kerajaan Negeri menetapkan had tempoh masa untuk menyelesaikan isu ini? | **JKR** | |
| | | | | |
| **7.** | **ISU ANJING LIAR DAN KUCING LIAR** | | | |
| | **a)** | Apakah dasar Kerajaan Negeri untuk mengawal isu anjing liar dan kucing liar yang semakin berleluasan di setiap PBT? | **SPBT** | |
| | **b)** | Berapa peruntukan yang diperuntukan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu PBT mengawal isu ini? | **SPBT** | |
| | **c)** | Sila senaraikan PBT yang telah menyediakan rumah perlindungan anjing dan kucing liar dengan mengikut lokasi. | **SPBT** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **8.** | **TAPAK PEMBUANGAN SAMPAH HARAM DI TAPAK HANSON, BANDAR MAHKOTA CHERAS** | | | |
| | **a)** | Apakah tindakan susulan dan perancangan jangkamasa pendek dan perancangan jangkamasa panjang dari pihak EXCO negeri bagi menangani isu bau busuk akibat dari pembakaran sampah haram di tapak Hanson Bandar Mahkota Cheras? | **MPKj** | |
| | **b)** | Mohon Kerajaan Negeri turunkan peruntukkan kepada MPKj yang terpaksa membuat pembersihan di tapak kuari ini. | **MPKj** | |
| | **c)** | Mohon kaji semula proses *monitoring*, tindakan dan cara penyelesaian terhadap pembuangan sampah haram di MPKj. | **MPKj** | |
| | | | | |
| **9.** | **KOS PEMADAMAN DAN KERJA BAIKPULIH DI TAPAK PEMBUANGAN SAMPAH HARAM DI TWIN PALM DAN BLACK WATER BMC** | | | |
| | **a)** | Adakah tuntutan kos pemadaman dan kerja baikpulih terhadap pemilik tanah telah diterima oleh pihak berkuasa dan berapakah jumlah tersebut? | **PDT HL/ MPKj** | **MPKj - S** |
| | **b)** | Sekiranya tuntutan tersebut tidak diterima sehingga kini, apakah tindakan susulan yang akan diambil? | **PDT HL/ MPKj** | |
| | | | | |
| **10.** | **ISU LIMAS** | | | |
| | **a)** | Sila senarai peruntukan LIMAS yang telah diagihkan kepada badan-badan keagamaan di Daerah Hulu Langat pada tahun 2023. | **SPBT** | |
| | **b)** | Sila senaraikan tanah-tanah rumah ibadat bukan islam yang telah diberi kepada badan keagamaan dari tahun 2020 hingga 2024 dengan mengikut daerah. | **SPBT** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **( 4 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA<br>Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT<br>(RAWANG)** | | | | |
| **1.** | **PEWARTAAN TANAH RUMAH IBADAT DAN PERKUBURAN** | | | |
| | **a)** | Apakah status terkini berkenaan permohonan warta tanah perkuburan Sungai Buloh yang dilakukan oleh Persatuan Sahabat Warisan KL dan Selangor? | **PDT PETALING** | |
| | **b)** | Apakah status terkini berkenaan penyelesaian isu sekatan ROS bagi pertubuhan penghuni agama bukan Islam untuk menguruskan rumah ibadat? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **2.** | **BALAI POLIS DI BANDAR COUNTRY HOMES** | | | |
| | **a)** | Bilakah Balai Polis Bandar Country Homes akan dinaiktaraf dari status pondok kepada balai? | **PDRM** | |
| | **b)** | Apakah perbezaan antara status pondok dan balai setelah pondok polis Bandar Country Homes dinaiktaraf? | **PDRM** | |
| | **c)** | Nyatakan kawasan yang dibawah kawalan Balai Polis Rawang dan Bandar Country Homes. | **PDRM** | |
| | | | | |
| **3.** | **PENGUATKUASAAN KENDERAAN BERAT** | | | |
| | **a)** | Apakah tindakan kerajaan terhadap kenderaan berat yang parkir di bahu Jalan Desa Ria yang membahayakan keselamatan penduduk sekitar? | **JPJ** | |
| | **b)** | Apakah tindakan yang telah dan akan diambil terhadap lori muatan berat yang melalui kawasan sekolah Garing pada masa larangan? | **JPJ** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 4. | **PRESTASI GLC SELANGOR** | | | |
| | a) | Nyatakan syarikat GLC Selangor dan prestasi kewangan sejak 2017 hingga kini. | MBI | |
| | b) | Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi GLC Selangor yang masih mengalami kerugian? | MBI | |
| | | | | |
| 5. | **KOLAM TEBATAN BANJIR RAWANG** | | | |
| | a) | Kenapa kolam tebatan banjir Sungai Gong masih tidak diselenggara dengan sempurna? | JPS | |
| | b) | Adakah kerajaan merancang untuk menaiktaraf sekeliling kolam takungan ini menjadi kawasan riadah? | JPS | |
| | c) | Nyatakan status kini pembinaan kolam tebatan banjir di kawasan industri Rawang Integrated. | JPS | |
| | | | | |
| 6. | **KES KEGANASAN KANAK-KANAK** | | | |
| | a) | Nyatakan bilangan dan penyelesaian kes keganasan terhadap kanak-kanak di Negeri Selangor. | SEKTORAL | |
| | b) | Apakah tindakan kerajaan bagi membantu kanak-kanak yang menghadapi isu keganasan? | SEKTORAL | |
| | | | | |
| 7. | **KADAR PENGANGGURAN SELANGOR** | | | |
| | a) | Apakah kadar pengangguran di Negeri Selangor sejak tahun 2017? | DOSM | SEKTORAL - S |
| | b) | Adakah kadar pengangguran di Negeri Selangor berada di tahap yang sihat? | DOSM | |
| | c) | Apakah usaha kerajaan bagi mengawal atau mengurangkan kadar pengangguran? | DOSM / SEKTORAL | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **8.** | **PENCEMARAN UDARA DI RAWANG** | | | |
| | **a)** | Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi mengawal isu pencemaran air dan udara di kawasan industri, terutamanya pada waktu malam? | **JAS** | |
| | **b)** | Apakah tindakan terhadap aduan pencemaran udara dan habuk daripada penduduk Kondo Legendview Rawang? | **JAS** | |
| | | | | |
| **9.** | **PENYAMBUNGAN JALAN DI DUN RAWANG** | | | |
| | **a)** | Apakah perancangan untuk menyambung jalan dari bulatan Persiaran Taman Sari ke Jalan Anggun Jaya 2 bagi mengelakkan kesesakan di lebuh raya B27? | **JKR** | |
| | **b)** | Apakah perancangan untuk menyambung jalan dari Fasa 7 Bandar Country Homes ke Persiaran Anggun? | **JKR** | |
| | | | | |
| **10.** | **FDI SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Nyatakan maklumat berkenaan pelaburan FDI di Selangor sejak 2018. | **INVEST** | |
| | **b)** | Apakah tindakan kerajaan untuk tarik lebih ramai pelabur luar negara ke Negeri Selangor? | **INVEST** | |
| | | | | |
| **( 5 ) PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE (SENTOSA)** | | | | |
| **1.** | **MASALAH ANJING LIAR YANG MENINGKAT** | | | |
| | **a)** | Apakah solusi segera Kerajaan Negeri dalam menangani masalah anjing liar yang semakin meningkat? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **2.** | **NAIK TARAF MASJID AL BARAQAH TAMAN SENTOSA** | | | |
| | **a)** | Apakah status projek naik taraf Masjid Al Baraqah Taman Sentosa Klang? | **JAIS** | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |
| **3.** | **HUTAN SIMPAN DI SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Berapa keluasan kawasan baru yang digazet sebagai hutan simpan kekal di Negeri Selangor pada tahun 2023? | **JAB. HUTAN** | |
| | **b)** | Sila nyatakan jenis pokok hutan yang endemik di Negeri Selangor dan apa langkah-langkah yang dirancangkan untuk memeliharanya? | **JAB. HUTAN** | |
| | | | | |
| **4.** | **RUMAH-RUMAH KOSONG DAN TERBENGKALAI** | | | |
| | **a)** | Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap rumah-rumah kosong yang terbiar dan terbengkalai sehingga menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes dan sarang penagih dadah? | **LPHS** | |
| | | | | |
| **5.** | **PEMBANGUNAN SUKAN** | | | |
| | **a)** | Nyatakan berapa peruntukan yang telah digunakan untuk infrastruktur sukan di Selangor pada tahun 2020-2023. | **MSNS** | |
| | **b)** | Apakah tindakan yang kerajaan akan mengambil untuk memupuk aktiviti sukan supaya rakyat Selangor mengamal kehidupan yang sihat? | **MSNS** | |
| | | | | |
| **6.** | **DEWAN KOMUNITI** | | | |
| | **a)** | Apakah rancangan untuk menyelesaikan isu kekurangan Dewan Komuniti di DUN Sentosa? | **MBDK** | |
| | | | | |
| **7.** | **LANDSKAP NEGERI SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Di peringkat persekutuan terdapat Jabatan Landskap Negara dan di peringkat PBT terdapat Jabatan Taman/Landskap, bagaimana pula di peringkat Negeri Selangor? Apakah perancangan mewujudkan Jabatan Landskap Negeri? | **SPBT** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 8. | **TAMAN WARGA EMAS** | | | |
| | a) | Adakah Kerajaan Negeri bercadang agar, di setiap taman-taman perumahan diwujudkan taman warga emas atau taman mesra warga emas bagi memastikan warga emas dapat melakukan riadah? | **SPBT / SEKTORAL** | **SEKTORAL - S** |
| | | | | |
| **( 6 ) PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA Y.B. TUAN MOHD KAMRI BIN KAMARUDDIN (BUKIT ANTARABANGSA)** | | | | |
| 1. | **STATUS TERKINI EKVE** | | | |
| | a) | Apakah status terkini projek EKVE? | **MAKRO** | |
| | b) | Bilakah jangkaan Projek EKVE akan siap? | **MAKRO** | |
| | c) | Apakah peranan Kerajaan Negeri untuk memastikan projek EKVE berjaya di siapkan? | **MAKRO** | |
| | | | | |
| 2. | **SEKOLAH AGAMA RAKYAT DI UKAY PERDANA** | | | |
| | a) | Adakah Kerajaan Negeri Selangor telah mengenal pasti tapak untuk Sekolah Agama Rakyat di Bukit Antarabangsa? Sila berikan butiran tapak-tapak yang telah dikenal pasti dan bilakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membangunkan sekolah berkenaan serta berapakah kos yang terlibat. | **JAIS** | |
| | | | | |
| 3. | **KL NODE** | | | |
| | a) | Adakah projeck KL Node akan diteruskan? | **MAKRO** | |
| | b) | Adakah jajaran yg dibuat telah dimuktamadkan Result TIA dan SIA? | **MAKRO** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **4.** | **BANTUAN KEPADA SEKOLAH SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA DAN TAMIL** | | | |
| | **a)** | berapa banyak sekolah-sekolah yang telah memperoleh bantuan? Sila jumlahkan mengikut kategori. | **AP** | |
| | **b)** | Bagaimanakah cara bagi memastikan peruntukkan yang disalurkan benar-benar dimanfaatkan untuk tujuan permohonan? | **AP** | |
| | | | | |
| **5.** | **PEMBANGUNAN USAHAWAN** | | | |
| | **a)** | Berapa banyak program pembangunan usahawan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sepanjang tahun 2023 sehingga 2024? | **SEKTORAL** | |
| | **b)** | Apakah program bantuan kewangan usahawan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri? | **SEKTORAL** | |
| | | | | |
| **6.** | **KESIHATAN AWAM** | | | |
| | **a)** | Berapa Jumlah penerima Skim Rawatan Jantung (SRJ)? | **SPBT** | |
| | **b)** | Jumlah pemohon SRJ yang ditolak? | **SPBT** | |
| | **c)** | Sebab permohonan SRJ di tolak? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **7.** | **SELANGOR MOBILITY** | | | |
| | **a)** | Jumlah penumpang yang telah menaiki Van *Demand-Responsive Transit* (DRT) Mobiliti Selangor? | **MBI** | |
| | **b)** | Senaraikan taman yang boleh mengakses perkhidmatan DRT ini dari 2023 sehingga kini. | **MBI** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **( 7 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA<br>Y.B. TUAN MUHAMMAD IZUAN BIN AHMAD KASIM<br>(KOTA DAMANSARA)** | | | | |
| **1.** | **VAN DRT** | | | |
| | **a)** | Berapakh kos bagi menjalan projek van DRT di Selangor ini? | **MBI** | |
| | **b)** | Adakah kerajaan ingin menjemput lebih ramai pemain industri yang telah mendapat lesen APAD? | **MBI** | |
| | **c)** | Berapakah jumlah penumpang yang telah menggunakan van DRT sehingga kini? | **MBI** | |
| | | | | |
| **2.** | **CUKAI PINTU PBT** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah pendapat setiap PBT yang bakal diperoleh bagi kenaikan cukai pintu ini? | **SPBT** | |
| | **b)** | Berapakah jumlah belanjawan setiap PBT bagi tahun 2000 sehingga 2024? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **3.** | **JUMLAH CUKAI YANG DI KUTIP OLEH PBT BAGI KAWASAN KOTA DAMANSARA** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah cukai yang di kutip oleh MBSA bagi kawasan Kota Damansara pada tahun 2018 2023? | **MBSA** | |
| | **b)** | Berapakah jumlah cukai yang di kutip oleh MBPJ bagi kawasan Kota Damansara pada tahun 2018-2023? | **MBPJ** | |
| | | | | |
| **4.** | **JUMLAH PELABURAN YANG TELAH BERJAYA DI PEROLEH SEHINGGA KINI BAGI TAHUN 2024** | | | |
| | **a)** | Berapakan jumlah pelaburan yang telah berjaya di peroleh sehingga kini bagi tahun 2024? | **INVEST** | |
| | **b)** | Berapakah jumlah pelaburan yang menjadi sasaran Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2024? | **INVEST** | |
| | **c)** | Apakah tindakan kerajaan bagi mencapai baki sasaran jumlah pelaburan bagi tahun 2024? | **INVEST** | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |
| **5.** | **PROJEK BANJIR BAGI KAMPUNG MELAYU SUBANG** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah peruntukan bagi projek mengatasi banjir di Kampung Melayu Subang? | **JPS** | |
| | **b)** | Bilakah projek mengatasi banjir bagi tahun 2024 akan dapat bermula? | **JPS** | |
| | **c)** | Apakah pelan jangka masa panjang yang dapat dilakukan bagi mengatasi banjir di Kampung Melayu Subang? | **JPS** | |
| | | | | |
| **6.** | **JALAN TERPUTUS DI PERSIARAN CAREKAWALA DAN PERSIARAN ATMOSFERA** | | | |
| | **a)** | Apakah tindakan terbaru berkenaan projek berkenaan? | **MBSA** | |
| | **b)** | Berapakah jumlah yang di perlukan oleh JPS untuk mengalihkan sungai tersebut? | **JPS** | |
| | **c)** | Bilakah projek ini dijangka akan selesai? | **MBSA** | |
| | | | | |
| **7.** | **SJKT RRI** | | | |
| | **a)** | Bilakah projek SJKT RRI akan dimulakan? | **PENDIDIKAN** | |
| | **b)** | Berapakah kos bagi membina SJKT RRI? | **PENDIDIKAN** | |
| | | | | |
| **8.** | **KOS PENGURUSAN SAMPAH DAN SISA PEPEJAL** | | | |
| | **a)** | Berapakah kos bagi menguruskan sampah bagi setiap PBT daripada tahun 2000-2024? | **SPBT** | |
| | **b)** | Apakah tindakan PBT bagi mengurangkan kos pengurusan sampah? | **SPBT** | |
| | **c)** | Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi menampung kos sampah yang meningkat? | **SPBT** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **( 8 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA<br>Y.B. TUAN SYED AHMAD BIN ABDUL RAHMAN ALHADAD<br>(LEMBAH JAYA)** | | | | |
| **1.** | **KENAIKAN KADAR CUKAI PINTU NEGERI SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Apakah perkembangan terkini kenaikan kadar cukai pintu baharu untuk semua Majlis Perbandaran di Selangor? | **SPBT** | |
| | **b)** | Adakah Kerajaan Negeri akan mengambil kira keadaan ekonomi semasa dalam keputusan kenaikan kadar cukai pintu agar tidak membebankan rakyat di Negeri Selangor? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **2.** | **PENUKARAN ZON GUNA TANAH DARI TANAH LAPANG KEPADA KEDIAMAN** | | | |
| | **a)** | Apakah status penukaran Zon guna tanah Tanah Lapang yang telah diperuntukkan bagi pembangunan Taman Tun Abdul Razak (TTAR) kepada zon guna tanah Kediaman dalam DRT MPAJ 2035 yang telah diluluskan di Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri? | **TOLAK** | **BERULANG** |
| | **b)** | Pihak mana yang menyediakan peta cadangan zon guna tanah DRT MPAJ 2035? | **TOLAK** | |
| | | | | |
| **3.** | **PENYALAHGUNAAN LESEN PERNIAGAAN OLEH WARGA ASING** | | | |
| | **a)** | Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memulakan kempen besar-besaran terhadap warga asing yang menyalahgunakan lesen perniagaan milik warga tempatan? | **SPBT** | |
| | **b)** | Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menggubal akta yang lebih tegas bagi memastikan masalah ini dapat diselesaikan? | **SPBT** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **4.** | **BERITA PALSU** | | | |
| | **a)** | Apakah langkah kerajaan untuk menangani berita palsu? Sebagai contoh ada pihak yang melakukan '*stunt*' kononnya Quran tidak diendah ketika perobohan kampung baru-baru ini namun sebaliknya yang berlaku. | **PEJ. MB** | |
| | | | | |
| **5.** | **FESTIVAL THURAH ISLAMI** | | | |
| | **a)** | Saya melihat Festival Thurah Islami yang berlangsung baru-baru ini dan dihadiri YAB Perdana Menteri mampu memberi pengisian kerohanian yang baik kepada rakyat Selangor. Adakah ia akan diperluaskan di setiap peringkat daerah mengikut skala kecil dan besar? | **PEJ. MB** | |
| | | | | |
| **6.** | **GEOPARK KEBANGSAAN GOMBAK HULU LANGAT** | | | |
| | **a)** | Agensi kerajaan manakah yg telah diberi mandat untuk mengurus,dan mengendalikan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan Hulu Langat Geopark (GHLGp)? | **SPBT** | |
| | **b)** | Sila nyatakan fungsi & peranan agensi tersebut. | **SPBT** | |
| | **c)** | Apakah rancangan pengurusan dan rancangan pemasaran lima (5) tahun bagi GHLGp? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **7.** | **FESTIVAL ADAT MELAYU NUSANTARA** | | | |
| | **a)** | Adakah Kerajaan Negeri berhasrat mempelopori simposium, festival atau mana-mana acara berkaitan adat melayu yang boleh memberi pendidikan kepada anak bangsa tentang asal-usul terutama berkait dengan Negeri Selangor? | **PADAT** | |
| | **b)** | Jika ada, bagaimana dan bila ia akan dianjurkan? | **PADAT** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **8.** | **PERSEDIAAN SELANGOR DENGAN PENYELARASAN SUBSIDI** | | | |
| | **a)** | Bagaimana Selangor bersedia kepada rakyatnya dengan pengumuman penyelarasan subsidi yang dibuat pusat? Misalnya penyelarasan subsidi diesel dan bagaimana kita membantu rakyat Selangor bersedia dengan penyelarasan tersebut. | **SEKTORAL/ PEJ. MB/ KPDNHEP** | |
| | **b)** | Apakah bantuan dari aspek strategi komunikasi kepada rakyat Selangor yang boleh kita bantu Kerajaan Pusat dalam memberi pemahaman kepada '*grassroot*'? | **SEKTORAL** | |
| | | | | |
| **9.** | **JUMLAH SETINGGAN** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah setinggan atau penempatan haram yang ada di Selangor dan bagaimana Kerajaan Negeri mahu menangani isu ini? | **PTGS** | |
| | **b)** | Daripada jumlah tersebut, bagaimana Kerajaan Negeri mahu mengambil tindakan terhadap pendatang asing yang membina penempatan haram? | **PTGS** | |
| | | | | |
| **10.** | **PENUKARAN ZON GUNA TANAH DARI TANAH LAPANG KEPADA KEDIAMAN** | | | |
| | **a)** | Apakah status penukaran Zon guna tanah Tanah Lapang yang telah diperuntukkan bagi pembangunan Taman Tun Abdul Razak (TTAR) kepada zon guna tanah Kediaman dalam DRT MPAJ 2035 yang telah diluluskan di Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri? | **TOLAK** | **BERULANG** |
| | **b)** | Pihak mana yang menyediakan peta cadangan zon guna tanah DRT MPAJ 2035? | **TOLAK** | **BERULANG** |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **( 9 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA<br>Y.B. PUAN LIM YI WEI<br>(KAMPUNG TUNKU)** | | | | |
| **1.** | **BANTUAN SIHAT SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Nyatakan bilangan pemohon Bantuan Sihat Selangor yang berjaya pada tahun 2024, mengikut DUN. | **SPBT** | |
| | **b)** | Nyatakan pecahan jenis bantuan dan jumlah peruntukan yang telah diluluskan. | **SPBT** | |
| | **c)** | Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk memastikan golongan kurang celik digital tidak keciciran? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **2.** | **BANTUAN KHAS ANAK ISTIMEWA SELANGOR (ANIS)** | | | |
| | **a)** | Nyatakan bilangan penerima ANIS mengikut DUN bagi tahun 2022, 2023, dan 2024, serta peruntukan yang digunakan. | **SEKTORAL** | |
| | **b)** | Nyatakan pencapaian "*Training of Trainers*" dan lain-lain program pembangunan kapasiti di bawah ANIS, serta DUN di mana program dilaksanakan. | **SEKTORAL** | |
| | | | | |
| **3.** | **PENYELESAIAN ISU HAKMILIK STRATA** | | | |
| | **a)** | Nyatakan bilangan pembangunan yang masih tiada strata mengikut DUN. | **PTGS** | |
| | **b)** | Nyatakan bilangan pemaju yang telah dikenakan tindakan penguatkuasaan dari tahun 2021 - 2024, dan amaun sekiranya ada. | **PTGS** | |
| | | | | |
| **4.** | **ISU PENYELENGGARAAN JALAN** | | | |
| | **a)** | Nyatakan peruntukan MARRIS bagi penyelenggaraan jalan bagi tahun 2024 untuk setiap PBT, dan jumlah yang dibelanjakan setakat bulan Jun 2024. | **PWN** | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | b) | Memandangkan perubahan iklim dan peningkatan kepenggunaan jalan raya, apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mencari material alternatif bagi penurapan jalan yang mempunyai ketahanan yang tinggi dan lebih selamat? | **JKR** | |
| | c) | Jika ada, nyatakan lokasi di mana material baru telah digunakan. | **JKR** | |
| | | | | |
| | | **( 10 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA<br>Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE<br>(SUBANG JAYA)** | | |
| **1.** | **PEMBINAAN LOJI LANGAT 2** | | | |
| | a) | Sila nyatakan peratusan kerja bagi LRA Langat 2. Apakah kerja-kerja tertunggak? | **AIR SEL** | |
| | | | | |
| **2.** | **KUIL SRI SUBRAMANIAR PJS7/13** | | | |
| | a) | Apakah status pengazetan tanah PJS7/13 sebagai tanah rumah ibadat bukan Islam? | **PDT PETALING** | |
| | | | | |
| **3.** | **GLC SELANGOR** | | | |
| | a) | Sila nyatakan semua GLC Selangor terkini dan ahli lembaganya. | **MBI** | |
| | | | | |
| **4.** | **GARIS PANDUAN PENGUBAHSUAIAN RUMAH TERES KEPADA ASRAMA PELAJAR DAN AIRBNB** | | | |
| | a) | Sila nyatakan status pelaksanaan Garis Panduan Pengubahsuaian Rumah Teres kepada Asrama Pelajar. | **SPBT** | |
| | b) | Sila nyatakan status pelaksanaan Garis Panduan Pengubahsuaian Rumah Teres untuk kegunaan AirBnB. | **SPBT** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **5.** | **BANJIR DI LAGOON PERDANA, BANDAR SUNWAY** | | | |
| | **a)** | Apakah status penyelesaian banjir di Lagoon Perdana, Bandar Sunway? | **JPS** | |
| | | | | |
| **6.** | **KESAN KENAIKAN DIESEL** | | | |
| | **a)** | Apakah pandangan kerajaan berkenaan keperluan menyemak semula kontrak-kontrak Kerajaan Negeri sediada memandangkan kenaikan harga diesel? | **PWN** | |
| | | | | |
| **7.** | **PENGAZETAN SEMULA TAMAN PERMAINAN USJ2/4E SEBAGAI KAWASAN LAPANG** | | | |
| | **a)** | Sila nyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengazetkan semula taman permainan USJ2/4e sebagai kawasan lapang untuk tujuan taman permainan. | **MBSJ** | |
| | | | | |
| **8.** | **MENARA TELCO** | | | |
| | **a)** | Sila nyatakan samada Garis Panduan Menara Telekomunikasi sediada akan disemak semula memandangkan masalah pelaksanaan di tapak. | **SMART SEL** | |
| | | | | |
| **9.** | **DANA BANTUAN GUAMAN SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Sila nyatakan prestasi Dana Bantuan Guaman Selangor. | **SEKTORAL** | |
| | | | | |
| **10.** | **SEHAT SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Sila nyatakan bilangan kes yang diterima melalui SEHAT Selangor dari 2019 hingga kini. | **SPBT** | |
| | **b)** | Berapakah dari kes tersebut memerlukan intervensi pakar? Berapa pesakit yang telah melebihi kuota subsidi 10 sesi? | **SPBT** | |
| | **c)** | Berapakah yang telah dibelanja oleh Kerajaan Negeri untuk program SEHAT ikut tahun? | **SPBT** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **( 11 )**<br>**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA**<br>**Y.B. PUAN PANG SOCK TAO**<br>**(KUALA KUBU BAHARU)** | | | | |
| **1.** | **PENGURUSAN AIR SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Berapakah kepanjangan paip air serta lokaliti paip air yang akan ditukar ganti oleh Air Selangor pada tahun 2024 mengikut Daerah? | **AIR SEL** | |
| | **b)** | Apakah rancangan jangka masa pendek dan panjang untuk meningkatkan rizab margin air di Selangor? | **AIR SEL** | |
| | | | | |
| **2.** | **PERBELANJAAN DAN HASIL URUSAN RASMI AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN KE LUAR NEGARA** | | | |
| | **a)** | Jelaskan perbelanjaan urusan rasmi setiap seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan ke luar negara sejak PRN yang lepas sehingga sekarang serta tarikh bertugas. | **MMKN** | |
| | **b)** | Nyatakan hasil lawatan rasmi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan ke luar negara. | **MMKN** | |
| | | | | |
| **3.** | **PENCEMARAN DI KAWASAN PERINDUSTRIAN** | | | |
| | **a)** | Apakah tindakan penguatkuasaan dan siasatan yang telah diambil ke atas aduan pencemaran udara di kawasan perindustrian Rasa, Kuala Kubu Baharu? Apakah hasilnya? | **JAS / MPHS** | |
| | **b)** | Berapakah kertas siasatan yang telah dibuka terhadap insiden-insiden pencemaran yang berlaku di Selangor khususnya perlepasan efluen ke dalam sungai serta pencemaran bau dan udara oleh kilang-kilang yang melepasi had maksima? | **JAS / MPHS** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 4. | PROJEK RUMAH SELANGORKU | | | |
| | a) | Apakah jumlah, rancangan dan kos bagi Projek Rumah Selangorku sedia ada dan baru di kawasan Hulu Selangor dan Kuala Kubu Baharu? | LPHS | |
| | b) | Bagaimana kerajaan memastikan Projek Rumah Selangorku memberi manfaat kepada golongan memerlukan? | LPHS | |
| | c) | Apakah pertimbangan dan keputusan untuk tukar lokasi dan jenis rumah Projek Rumah Selangorku dari Batang Kali ke Kuala Kubu Baharu? | LPHS | |
| | | | | |
| **( 12 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA<br>Y.B. PUAN WONG SIEW KI<br>(SERI KEMBANGAN)** | | | | |
| 1. | PETA LALUAN PERKHIDMATAN BAS PERCUMA DI SEKITAR SERI KEMBANGAN | | | |
| | a) | Berapa bas percuma yang berkhidmat di dalam dan sekitar kawasan Seri Kembangan dan sekitarnya? Sila bagi jawapan dalam peta, masa berkhidmatan, kekerapan dan butiran berkaitan yang lain. | SPBT/ MBSJ | |
| | b) | Sekiranya perhentian bas tertentu berdekatan dengan perkhidmatan awam yang lain seperti perhentian MRT, klinik kesihatan atau pasar awam, sila nyatakan lokasi perkhidmatan tersebut didalam peta juga. | SPBT/ MBSJ | |
| | | | | |
| 2. | SENARAI PESERTA HIJRAH DI DUN SERI KEMBANGAN | | | |
| | a) | Sila senaraikan peserta Hijrah di DUN Seri Kembangan dari tahun 2018 sehingga sekarang. Butiran yang diminta adalah nama, no. KP, no. tel, alamat, jenis perniagaan, jumlah pinjaman dan adakah bayaran dijalankan lancar atau tidak. | HIJRAH | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **3.** | **TANAH RIZAB SUNGAI SEBAGAI TAPAK KEBUN BANDAR** | | | |
| | **a)** | Adakah kerajaan membenarkan tanah rizab Sungai Kuyuh di dalam DUN Seri Kembangan untuk disewa warga Selangor bagi tujuan pertanian? | **PDT PETALING** | |
| | **b)** | Kalau dibenarkan, apakah proses dan kadar sewaan yang akan dikenakan? | **PDT PETALING** | |
| | | | | |
| **4.** | **KENDERAAN HIDROGEN SEBAGAI SALAH SATU JENIS KENDERAAN TENAGA BARU** | | | |
| | **a)** | Adakah kerajaan bersedia untuk mempromosikan kenderaan hidrogen sebagai satu pilihan kenderaan tenaga baru selain daripada kenderaan elektrik? | **SPBT** | |
| | **b)** | Kalau ada, apakah persiapan ataupun pelan yang berkaitan? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **( 13 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA<br>Y.B. TUAN DR. QUAH PERNG FEI<br>(BANDAR BARU KLANG)** | | | | |
| **1.** | **AIRBNB** | | | |
| | **a)** | Apakah perbezaan konsep antara *homestay* dan Airbnb dan undang undang yang diikat kedua- dua komponen? | **SPBT** | |
| | **b)** | Bagaimanakah kerajaan memupuk pendaftaran, menjalankan dan mengawal aktiviti *homestay* dan Airbnb? | **SPBT** | |
| | **c)** | Nyatakan bilangan dan lokasi *homestay* dan Airbnb yang terdapat di seluruh Negeri Selangor ? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **2.** | **REL HUBUNGAN PANTAI TIMUR (ECRL)** | | | |
| | **a)** | Apakah perkembangan terkini projek ECRL di Negeri Selangor? | **MAKRO** | |
| | **b)** | Berapakah jumlah tanah yang telah diserah untuk projek ECRL? | **PTGS** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **3.** | **PUSAT JAGAAN IBU DAN BAYI** | | | |
| | **a)** | Apakah garis panduan terkini untuk membuka pusat jagaan ibu dan bayi? | **SEKTORAL/ SPBT** | |
| | **b)** | Adakah kerajaan mempunyai dasar untuk meletak doktor di pusat jagaan ibu dan bayi sekirangnya ada kecemasan ini memandangkan bilangan ibu yang melebihi 10 orang pada waktu yang sama? | **SEKTORAL** | **SEKTORAL-S** |
| | **c)** | Berapa buah pusat yang terdapat di setiap DUN? | **SEKTORAL** | |
| | | | | |
| **4.** | **PUSAT DIALISIS** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah pusat dialisis yang terdapat di Negeri Selangor mengikut DUN? | **SPBT** | |
| | **b)** | Apakah merancang Selgate untuk memwujudkan pusat dialisis? | **SPBT** | |
| | **c)** | Berapakah jumlah pesakit dan kos dialisis yang telah diguna dalam Skim Sihat Selangor pada tahun 2023 hingga kini mengikut DUN? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **5.** | **SKIM RAWATAN JANTUNG SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Berapahkan jumlah pesakit yang menerima skim jantung dari tahun 2023 hingga kini? | **SPBT** | |
| | **b)** | Berapakah hospital panel sedia ada yang terdapat di Negeri Selangor dan bilangan rujukan pesakit kepada setiap hospital ? dan juga jumlah kos rawatan kepada setiap individul yang telah dibayar kepada hospital tersebut? | **SPBT** | |
| | **c)** | Adakah kerajaan mempunyai cadangan bagi menambah hospital panel? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **6.** | **CENTRAL SPECTRUM S/B** | | | |
| | **a)** | Apakah kedudukan kewangan dan berapakah jumlah kakitangan yang terlibat? | **CENTRAL SPECTRUM** | |
| | **b)** | Apakah status lot perindustrian terkini di tapak Pulau Indah? | **CENTRAL SPECTRUM** | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | c) | Apakah masalah di tapak memandangkan projek masih tidak habis dijual? | **CENTRAL SPECTRUM** | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |
| **7.** | **SARINGAN KESIHATAN SELANGOR** | | | |
| | a) | Berapakahkan aktiviti saringan kesihatan Selangor yang telah diadakan di seluruh di Negeri Selangor pada tahun 2024? | **SPBT** | |
| | b) | Berapakah jumlah kos dan perbelanjaan yang terlibat untuk setiap program saringan secara terperinci? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **8.** | **INVEST SELANGOR** | | | |
| | a) | Senaraikan pelaburan terkini daripada hasil Invest Selangor ke luar negara dari Ogos 2023 hingga kini. | **INVEST** | |
| | b) | Berapakah projek sudah sampai ke peringkat komited kepada pelaburan? | **INVEST** | |
| | c) | Senaraikan semua lawatan, delegasi dan perbelanjaan bagi lawatan Invest Selangor ke luar negara dari bulan Ogos 2023 hingga kini? | **INVEST** | |
| | | | | |
| **9.** | **5G** | | | |
| | a) | Berapakah jumlah agensi dan syarikat yang terlibat dalam pemasangan menara telekom 5G di Selangor? | **SMART SEL** | **SELARAS** |
| | b) | Berapakah jumlah kos yang terlibat dalam peringkat negeri dan PBT untuk memperluaskan liputan 5G? | **SMART SEL/ BPM** | |
| | c) | Apakah rancangan kerajaan dengan adanya 5G dan AI untuk menghasilkan produktiviti warga kakitangan kerajaan? | **SMART SEL/ BPM** | |
| | | | | |
| **10.** | **PENGURUSAN TANAH PERKUBURAN BUKAN ISLAM** | | | |
| | a) | Siapakah yang bertanggungjawab menguruskan dan menyelenggara tanah -tanah perkuburan Cina dan India? | **SPBT / PTGS** | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | b) | Dimanakah tapak perkuburan bukan milik swasta yang disediakan untuk pengembumian bukan Islam di Klang supaya dapat mengurangkan kos yang kehilangan ahli keluarganya? | **SPBT / PTGS** | |
| | c) | Senaraikan lokasi dan keluasan bagi tanah perkuburan bukan Islam dan juga bukan milik swasta yang ada di setiap DUN di Negeri Selangor? | **SPBT / PTGS** | |
| | | | | |
| | | **( 14 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA<br>Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE<br>(PANDAMARAN)** | | |
| **1.** | **KUNCI AIR JALAN PAPAN** | | | |
| | a) | Adakah JPS akan menambah pam air di Kunci Air Jalan Papan? | **JPS** | |
| | b) | Jika ya, nyatakan tarikh. | **JPS** | |
| | c) | Nyatakan sebab-sebab jika tidak. | **JPS** | |
| | | | | |
| **2.** | **PROJEK TEBATAN BANJIR TAMAN BAYU PERDANA JALAN BATU UNJUR** | | | |
| | a) | Nyatakan tarikh jangka siap projek ini. | **MBDK / JPS** | |
| | b) | Nyatakan jumlah kos projek ini. | **MBDK / JPS** | |
| | c) | Nyatakan sebab-sebab kelewatan projek ini. | **MBDK / JPS** | |
| | | | | |
| **3.** | **BAS SMART SELANGOR** | | | |
| | a) | Nyatakan laluan-laluan Bas Smart Selangor di Majlis Bandaraya Diraja Klang. | **MBDK** | |
| | b) | Adakah MBDK dapat menambah satu laluan di Pekan Telok Gong, Pekan Pandamaran dan Pekan Pelabuhan Klang? | **MBDK** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **4.** | **TOURISM SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Senaraikan *Board of Director* untuk Tourism Selangor. | **TSSB** | |
| | **b)** | Adakah kerajaan akan membuat rombakan *Board of Director*? | **TSSB** | |
| | | | | |
| **5.** | **PROJEK TEBATAN BANJIR** | | | |
| | **a)** | Nyatakan projek-projek tebatan banjir DUN Pandamaran yang telah dilaksanakan termasuk kos serta tarikh mula dan siap dari tahun 2016 hingga 2023 bagi :-<br>i) MBDK<br>ii) JPS | **MBDK / JPS** | |
| | | | | |
| **6.** | **PROGRAM ILTIZAM SELANGOR SIHAT (PEDULI SIHAT)** | | | |
| | **a)** | Nyatakan kuota isu bagi semua DUN. | **SPBT** | |
| | **b)** | Nyatakan status penggunaan issue mengikut DUN. | **SPBT** | |
| | | | | |
| **7.** | **JAMBATAN BULATAN SIMPANG LIMA** | | | |
| | **a)** | Apakah status permohonan untuk naik taraf '*Railing*' di atas Jambatan Bulatan Simpang Lima? | **JKR** | |
| | | | | |
| **8.** | **GELANGGANG BOLA KERANJANG BERBUMBUNG DI TAMAN SELATAN KLANG** | | | |
| | **a)** | Adakah MBDK dapat membina sebuah gelanggang bola keranjang berbumbung di padang Jalan Palas, Taman Selatan Klang? | **MBDK** | |
| | **b)** | Nyatakan tarikh akan dilaksanakan jika ya. | **MBDK** | |
| | **c)** | Nyatakan sebab-sebab jika tidak. | **MBDK** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **9.** | **PERUNTUKAN UNTUK PEMBELIAN TELEFON BIMBIT/KOMPUTER** | | | |
| | **a)** | Bolehkah kerajaan memperuntukan RM6000 untuk ADN-ADN untuk pembelian telefon bimbit dan komputer? | **BPM** | |
| | **b)** | Jika ya, nyatakan tarikh. Jika tidak, nyatakan sebab-sebab. | **BPM** | |
| | | | | |
| **10.** | **INSAN SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Nyatakan jumlah caruman Insan Selangor bagi :-<br><br>i) Takaful<br>ii) Konvensional | **MBI** | |
| | **b)** | Nyatakan jumlah tuntutan Insan Selangor bagi :-<br><br>i) Takaful<br>ii) Konvensional | **MBI** | |
| | | | | |
| **( 15 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA<br>Y.B. TUAN LWI KIAN KEONG<br>(SUNGAI PELEK)** | | | | |
| **1.** | **PROGRAM BANTUAN USAHAWAN INDIA SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Adakah permohonan Program Bantuan Peralatan Usahawan India Selangor (I-SEED) boleh dipermudahkan dengan cara permohonan selain mendapatkan borang permohonan melalui pejabat EXCO dan Pejabat ISEED di IDCC seperti permohonan Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan Negeri? | **SEKTORAL** | |
| | **b)** | Nyatakan Jumlah Permohonan ISEED yang diterima dan telah diluluskan pada 2024 mengikut daerah. | **SEKTORAL** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **2.** | **PELAN TINDAKAN KAWASAN PELANCONGAN KAWASAN HAKISAN PANTAI** | | | |
| | **a)** | Apakah pelan tindakan yang dijalankan oleh pihak Negeri Selangor pada tahun 2024 untuk memperbaiki infrastruktur pelancongan, khususnya mengenai isu-isu seperti hakisan pantai yang sering berlaku di Negeri Selangor? | **TSSB** | |
| | **b)** | Adakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi hakisan pantai yang menyebabkan kehilangan pasir dan meningkatkan infrastruktur kemudahan awam seperti tandas awam dan lain-lain? | **JPS** | |
| | **c)** | Sila kemukakan peruntukan Kerajaan Negeri Selangor dalam mengatasi masalah hakisan pantai. | **JPS** | |
| | | | | |
| **3.** | **PERUNTUKAN DUN ANGKAT** | | | |
| | **a)** | Adakah pihak UPEN menyediakan peruntukan pengurusan bagi semua DUN angkat bermula 13 Oktober 2023 sehingga 31 Mei 2024? | **DEWAN** | |
| | **b)** | Adakah pembayaran akan diberikan kepada pembantu sementara kepada DUN angkat kerana mereka memberi perkhidmatan luar Kawasan DUN sendiri? | **DEWAN** | |
| | **c)** | Adakah Pembayaran pengurusan pejabat seperti sewaan pejabat pengurusan di DUN angkat semasa tempoh proses DUN angkat akan diberikan? | **DEWAN** | |
| | | | | |
| **4.** | **CARUMAN PERKESO** | | | |
| | **a)** | Adakah perancangan pihak Kerajaan Negeri Selangor dalam memastikan kakitangan kontrak Kerajaan Negeri seperti pegawai di Pusat Khidmat Masyarakat mencarum PERKESO? | **DEWAN** | |
| | **b)** | Adakah Kerajaan Negeri Selangor mempunyai peruntukan dalam mencarum kakitangan kontrak kerajaan seperti pegawai di Pusat Khidmat Masyarakat? | **DEWAN** | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | c) | Apakah Kerajaan Negeri Selangor mempunyai perancangan dalam menaikkan gaji bagi pegawai Kontrak di Pusat Khidmat Masyarakat seiring dengan pengumuman Perdana Menteri berkenaan kenaikan gaji penjawat awam? | **DEWAN** | |
| | | | | |
| **5.** | **PROGRAM HIJRAH SELANGOR** | | | |
| | a) | Apakah garis panduan yang sepatutnya diikuti bagi pemohon yang ingin memohon Hijrah Selangor? Kerana sebelum ini, pusat khidmat menerima aduan berkenaan pemohon Hijrah Selangor yang ditolak dengan alasan pemohon menjalankan aktiviti perniagaan peralatan sembahyang, walaupun pemohon sebelum ini telah membuat permohonan yang diluluskan dan telah mengikuti jadual pembayaran yang ditetapkan sehingga pembayaran selesai. | **HIJRAH** | |
| | | | | |
| **6.** | **TANAH RIZAB JALAN** | | | |
| | a) | Apakah tindakan yang diambil oleh pihak Negeri untuk menyediakan jalan rizab di tanah pertanian agar hasil pertanian dapat diangkut keluar dengan efisien? | **PTGS** | |
| | b) | Adakah kemungkinan untuk memohon penggunaan tanah rizab yang sedia ada melalui proses permohonan individu untuk penggunaan plot tanah persendirian? | **PTGS** | |
| | | | | |
| | | **( 16 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA<br>Y.B. TUAN ONG CHUN WEI<br>(BALAKONG)** | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **1.** | **PERUNTUKAN LIMAS** | | | |
| | **a)** | Nyatakan jumlah peruntukan LIMAS yang telah disalurkan kepada rumah-rumah ibadat di DUN Balakong serta senarai penerimanya bagi tahun 2024. | **SPBT** | |
| | | | | |
| **2.** | **SKIM CERIA** | | | |
| | **a)** | Senaraikan penerima-penerima Skim Ceria serta jenis bantuan yang diluluskan di bawah DUN Balakong dari Tahun 2022 sehingga terkini. | **LPHS** | |
| | | | | |
| **3.** | **BANTUAN SIHAT SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Senaraikan penerima-penerima Bantuan Sihat Selangor di bawah DUN Balakong serta jumlah peruntukan yang diluluskan kepada setiap penerima tersebut bagi Tahun 2023 dan 2024. | **SPBT** | |
| | | | | |
| **4.** | **PERUNTUKAN PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU** | | | |
| | **a)** | Senaraikan peruntukan yang telah disalurkan kepada kampung-kampung baru di bawah DUN Balakong bagi Tahun 2023 dan 2024. | **SPBT** | |
| | | | | |
| **5.** | **TANAH BAGI RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM DI SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Senaraikan tanah-tanah pewartaan bagi tujuan rumah ibadat selain Islam yang telah diluluskan di bawah DUN Balakong sejak Tahun 2018. | **SPBT/ PDT HL/ MPKj** | **SPBT-S** |
| | | | | |
| **6.** | **PERUNTUKAN BANTUAN SEKOLAH KERAJAAN NEGERI SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Senaraikan jumlah peruntukan bantuan sekolah bagi setiap sekolah di bawah DUN Balakong yang telah diluluskan sejak tahun 2022. | **AP** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 7. | **SYARIKAT KONSESI PARKIR** | | | |
| | a) | Senaraikan syarikat konsesi parkir serta tempoh kontrak mengikut PBT. | **SPBT** | |
| | | | | |
| | | **( 17 )**<br>**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA**<br>**Y.B. TUAN PREAKAS A/L SAMPUNATHAN**<br>**(KOTA KEMUNING)** | | |
| 1. | **PEMBINAAN SEKOLAH MENENGAH BARU DI KOTA KEMUNING** | | | |
| | a) | Berapakah jumlah wang yang dibayar sebagai pampasan oleh Kerajaan Negeri akibat daripada tindakan sivil diambil terhadap Kerajaan Negeri dan Pejabat Tanah melalui Perintah Mahkamah dari tahun 2021 sehingga tahun Mei 2024? | **PTGS** | |
| | b) | Apakah status pembinaan Sekolah Menengah Baru di Kota Kemuning? | **PENDIDIKAN** | |
| | | | | |
| 2. | **PRESTASI KDEB** | | | |
| | a) | Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menggantikan KDEB daripada menjalankan kerja-kerja pembersihan dan punggutan sampah di Selangor kerana prestasi oleh kontraktor-kontraktor KDEB adalah teruk? | **SPBT** | |
| | b) | Berapakah laporan yang dibuat melalui SISPAA terhadap KDEB sehingga hari ini? | **SPBT** | |
| | c) | Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap laporan ini terhadap KDEB? | **SPBT** | |
| | | | | |
| 3. | **PENGUNAAN AI DALAM INTEGRASI DATA** | | | |
| | a) | Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam mengadaptasi pengunaan AI dalam integrasi data, khususnya dalam pengawalan trafik untuk mengurangkan kesesakan jalanraya? | **JKR/ INFRASEL** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **4.** | **SALIRAN LONGKANG YANG SISTEMATIK** | | | |
| | **a)** | Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menjalankan memastikan perancangan saliran longkang yang sistematik di kawasan-kawasan dan lot-lot perumahan persendirian yang dibangunkan di kawasan Jalan Bukit Kemuning? | **MBSA/ JKR** | |
| | | | | |
| **5.** | **PENEMPATAN KERJA** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah pelajar-pelajar TVET di bawah Kerajaan Negeri yang mendapat penempatan kerja hasil daripada program tersebut? | **STDC/ AP** | |
| | **b)** | Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam memastikan terdapat tenaga kerja yang mahir yang mencukupi bagi sektor AI dimana mengikut Microsoft, mereka memerlukan 100,000 tenaga kerja mahir dalam sektor tersebut? | **BPM** | |
| | **c)** | Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam menangani isu pelajar-pelajar yang tidak menduduki peperiksaan SPM? | **AP/ PENDIDIKAN** | **AP- S** |
| | | | | |
| **6.** | **KENAIKAN CUKAI TAKSIRAN** | | | |
| | **a)** | Apakah rasional Kerajaan Negeri dalam membenarkan kenaikan cukai taksiran oleh semua PBT kepada rakyat Selangor apabila rakyat perlu berhadapan dengan subsidi rasionalisasi yang akan memberikan kesan khususnya golongan M40 yang merupakan golongan masyarakat yang paling terkesan? | **SPBT** | |
| | **b)** | Adakah Kerajaan Negeri telah menjalankan *market research* berkenaan berkebolehan rakyat Selangor membayar peningkatan cukai taksiran ini memandangkan pada masa ini harga-harga barangan asas masih dalam kadar tinggi? | **SPBT** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 7. | **SUKAN RAGBI** | | | |
| | a) | Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam menggalakkan sukan ragbi yang kini tidak diberikan tumpuan oleh Kerajaan Persekutuan? | **MSNS** | |
| | b) | Kenapa Kerajaan Negeri tidak membina satu fasiliti seperti padang ragbi yang bertaraf antarabangsa di Negeri Selangor? | **MSNS** | |
| | c) | Kenapa Kerajaan Negeri tidak memberikan tumpuan bagi membina satu padang ragbi di dalam projek pembinaan Stadium Shah Alam baru. | **MSNS** | |
| | | | | |
| 8. | **STATUS PROJEK-PROJEK TEMPATAN BANJIR** | | | |
| | a) | Apakah status projek-projek tempatan Banjir di kawasan DUN Kota Kemuning? | **JPS** | |
| | b) | Apakan status projek Menaiktaraf Sistem Saliran Batu 7 dan Batu 8 Jalan Bukit Kemuning selepas permohonan peningkatan siling projek kerana kos pengalihan utiliti dan pengambilan balik tanah yang tinggi? | **JPS** | |
| | | | | |
| 9. | **KEBAJIKAN DAN KESEJAHTERAAN PENDUDUK** | | | |
| | a) | Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam memastikan penduduk Kota Kemuning mempunyai akses kebajikan dan kesejahteraan yang seimbang? | **SEKTORAL / JKM** | **SEKTORAL - S** |
| | b) | Bilakah proses pemutihan penduduk PPR Hicom yang terakhir dibuat dan pelan tindakan pemutihan baru akan dilakukan? | **LPHS** | |
| | c) | Adakan Kerajaan Negeri mempunyai sebarang idea untuk mengadakan satu platform kedai runcit serbaguna yang mempunyai barang keperluaan asas yang bersubsidi? | **SPBT** | |
| | | | | |
| 10. | **PEMBINAAN *LOCAL ENTREPRENEUR*** | | | |
| | a) | Apakah rancangan dalam membina *Local Entrepreneur* dalam membina industri seperti *semiconductor* dan solar industri? | **INVEST** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **( 18 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA<br>Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN<br>(BUKIT GASING)** | | | | |
| **1.** | **ILTIZAM SELANGOR PENYAYANG** | | | |
| | **a)** | Apakah statistik bagi program Iltizam Selangor Penyayang pada masa kini seperti jumlah rakyat yang mendaftar bagi setiap program, serta demografik rakyat yang dibantu? | **SEKTORAL** | |
| | | | | |
| **2.** | **LAWATAN RASMI** | | | |
| | **a)** | Senaraikan semua lawatan rasmi ke luar negara oleh setiap ahli MMKN sejak Pilihan Raya Negeri yang lepas. | **MMKN** | |
| | **b)** | Sila butirkan tujuan, kos, dan delegasi. | **MMKN** | |
| | | | | |
| **3.** | **JMB ATAU MC TIDAK AKTIF** | | | |
| | **a)** | Senaraikan semua pembangunan strata di Selangor (mengikut PBT) yang tidak mempunyai JMB atau MC yang aktif. | **LPHS** | |
| | **b)** | Bagi setiap pembangunan strata tersebut, butirkan bila ejen pengurus dilantik oleh COB. | **LPHS** | |
| | | | | |
| **4.** | **PROGRAM PWB** | | | |
| | **a)** | Senaraikan semua program PWB yang dianjurkan mengikut DUN. | **SEKTORAL** | |
| | **b)** | Sila butirkan bilangan yang hadir untuk setiap program tersebut. | **SEKTORAL** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **5.** | **BIKECARE** | | | |
| | **a)** | Berapakan permohonan BikeCare yang diterima oleh Kerajaan Negeri? | **SEKTORAL** | |
| | **b)** | Tolong senaraikan pemohon yang berjaya, dengan butiran model motosikal, lokasi DUN dan sebagainya. | **SEKTORAL** | |
| | | | | |
| **6.** | **KEHADIRAN MESYUARAT MMKN** | | | |
| | **a)** | Senaraikan semua mesyuarat MMKN untuk penggal ini, serta kehadiran ahli MMKN bagi setiap mesyuarat. | **MMKN** | |
| | | | | |
| **7.** | **LANTIKAN PEGAWAI KERAJAAN DI ANAK SYARIKAT** | | | |
| | **a)** | Senaraikan semua pegawai Pejabat Menteri Besar dan Kerajaan Negeri Selangor yang dilantik ke mana-mana anak syarikat Negeri Selangor. | **PEJ. MB** | |
| | **b)** | Adakah pegawai ini juga menerima elaun ahli lembaga dan elaun mesyuarat sepertimana lantikan luar (bukan pegawai kerajaan)? | **PEJ. MB** | |
| | | | | |
| **8.** | **VAN DRT** | | | |
| | **a)** | Butirkan bilangan penumpang berbayar yang menaiki van DRT mengikut zon sejak perkhidmatan ini dilancarkan bagi semua zon. | **MBI** | |
| | **b)** | Butirkan purata penumpang berbayar sehari yang menaiki van DRT mengikut zon sejak perkhidmatan ini dilancarkan bagi semua zon. | **MBI** | |
| | **c)** | Butirkan bilangan van DRT mengikut zon sejak perkhidmatan ini dilancarkan bagi semua zon. | **MBI** | |
| | | | | |
| **9.** | **PTRS** | | | |
| | **a)** | Berapa pelajar telah mendaftarkan diri dalam Program Tuisyen Rakyat Selangor dan apakah rancangan kerajaan bagi memupuk perhatian kepada program ini? | **MBI** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 10. | **EKONOMI HIDROGEN** | | | |
| | a) | Adakah Kerajaan Negeri Selangor bercadang untuk melibatkan diri serta menyumbang kepada ekonomi Hidrogen? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **( 19 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA<br>Y.B. TUAN YEW JIA HAUR<br>(TERATAI)** | | | | |
| 1. | **KES TANAH RUNTUH TAMAN BUKIT PERMAI 2022** | | | |
| | a) | Apakah Kerajaan Negeri Selangor akan memberikan Ex-Gratia Bencana kepada keluarga mangsa yang mengalami kerugian harta-benda? | **BENCANA** | |
| | b) | Apakah Unit Pengurusan Bencana Pejabat SUK dapat membantu mereka yang kini ditolak dan tidak dapat pampasan daripada syarikat insurans? | **BENCANA** | |
| | | | | |
| 2. | **PENYELENGARAAN DI BAWAH RIZAB TNB DAN RIZAB SUKE DI KAMPUNG TASEK PERMAI** | | | |
| | a) | Apakah kerja-kerja penyelengaraan yang telah dijakankan oleh pihak TNB dan SUKE di tanah rizab masing-masing, di kawasan Kampung Tasek Permai sejak tahun 2020 hingga 2024 (kini)? | **MPAJ** | |
| | b) | Apakah sistem perparitan dan saliran yang telah disediakan oleh pihak TNB dan SUKE di tanah rizab masing-masing di Kampung Tasek Permai telah dijadikan kawasan semak samun dan sering dilanda banjir? | **MPAJ** | |
| | | | | |
| 3. | **HAK MILIK TANAH BAWAH LIKUIDATOR** | | | |
| | a) | Apakah inisiatif Kerajaan Negeri Selangor dalam menangani isu-isu hak milik tanah di bawah lokuidator terutamanya di kawasan perumahan? | **PTGS** | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | b) | Apakah halangan dan cabaran utama berkenaan pindaan hak milik daripada likuidator kepada pemilik hartanah di kawasan Teratai, iaitu beberapa pembangunan di Taman Lembah Maju, Taman Saga dan Panadn Perdana? | **PTGS** | |
| | | | | |
| **4.** | **KAWALAN CUKAI PINTU BAGAI PROJEK YANG TERGENDALA** | | | |
| | a) | Apakah tindakan yang akan diambil untuk mengawal cukai pintu bagi projek yang tergendala tetapi CCC telah dikeluarkan, namun pembangunan telah terbengkalai? | **SPBT** | |
| | b) | Apakah pemilik masih lagi dikenakan cukai pintu penuh, terutama sekali apabila cukai pintu tersebut telah lama tertunggak? | **SPBT** | |
| | c) | Adakah tuntutan Majlis juga dihadkan dibawah Akta Had Masa 1953? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **5.** | **PROGRAM WARGA EMAS** | | | |
| | a) | Sila nyatakan peratusan warga emas di dalam kawasan Negeri Selangor. | **DOSM** | |
| | b) | Berapakah bilangan pusat warga emas yang berdaftar di dalam Selangor? | **JKM** | |
| | c) | Apakah kerajaan mempunyai perancangan untuk menambah bilangan pusat jagaan warga emas di Selangor? | **JKM** | |
| | | | | |
| **6.** | **PILI BOMBA DI SEKITAR SELANGOR** | | | |
| | a) | Sila nyatakan jumlah pili bomba yang berada di sekitar Selangor. | **BOMBA** | |
| | b) | Berapakah jumlah pili bomba yang tidak dapat digunakan setakat tahun 2024? | **BOMBA** | |
| | c) | Apakah inisiatif kerajaan bagi memastikan pili-pili bomba ini boleh diguna pakai oleh Pihak Berkuasa dan tidak disalahgunakan? | **BOMBA** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 7. | **PROJEK TERBENGKALAI** | | | |
| | a) | Nyatakan jumlah projek terbengkalai yang masih belum dipulihkan di setiap PBT setakat Mei 2024? | **SPBT** | |
| | b) | Apakah tindakan dan usaha Kerajaan Negeri Selangor dalam menangani masalah ini, dari segi jangka masa pendek dan panjang? | **SPBT** | |
| | | | | |
| 8. | **PERLAKSANAAN PERMOHONAN LESEN BERNIAGA SECARA ATAS TALIAN** | | | |
| | a) | Apakah Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk melaksanakan permohonan lesen berniaga baru dan pembaharuan atas talian secara keseluruhan di semua PBT? | **SPBT** | |
| | b) | Apakah statistik terkini permohonan lesen baru pada setiap PBT (jika ada)? | **SPBT** | |
| | c) | Apakah cabaran dan halangan dari segi PBT dan pelanggan (pemohon lesen perniagaan) yang dihadapi dan cara penyelesaian? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **( 20 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA<br>Y.B. PUAN MARIAM BINTI ABDUL RASHID<br>(MERU)** | | | | |
| 1. | **PENYELENGGARAAN PARIT** | | | |
| | a) | Apakah SOP penyelenggaraan parit oleh JPS? | **JPS** | **SELARAS** |
| | b) | Bagaimanakah sistem pemantauan agensi seperti PBT, JKR, JPS ke atas kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor di kawasan Meru? | **JPS / JKR / MBDK** | |
| | | | | |
| 2. | **PADANG DAN TAMAN PERMAINAN AWAM** | | | |
| | a) | Bagaimanakah kekerapan selenggaraan taman-taman permainan dilaksanakan? | **MBDK** | |
| | b) | Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menambah baik padang bola sepak di Meru? | **MBDK** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 3. | **GERAI MAJLIS TERBENGKALAI** | | | |
| | a) | Apakah status menaik taraf gerai majlis terbengkalai dan pembersihan kawasan berdekatan Kedai Lontong Omboh di Pekan Meru? | **MBDK** | |
| | | | | |
| 4. | **PUSAT PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (PPDK)** | | | |
| | a) | Berapakah jumlah pelajar di setiap PDK di seluruh Selangor? | **JKM** | |
| | b) | Apakah modul yang dilaksanakan di PDK bagi mendedahkan OKU terhadap pendidikan seksual dan reproduktif? | **JKM** | |
| | | | | |
| 5. | **PELAJAR SEKOLAH AGAMA MENENGAH JAIS** | | | |
| | a) | Berapakah bilangan belajar menengah atas bagi Sekolah Agama Menengah JAIS di seluruh Selangor? | **JAIS** | |
| | b) | Apakah strategi Kerajaan Negeri dalam meningkatkan literasi politik pelajar di sekolah di bawah JAIS? | **JAIS** | |
| | | | | |
| 6. | **MAJLIS TINDAKAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU) SELANGOR** | | | |
| | a) | Nyatakan ahli MTOS terkni. | **SEKTORAL** | |
| | b) | Apakah perancangan MTOS bagi tahun 2024? | **SEKTORAL** | |
| | | | | |
| 7. | **PROJEK DRT SELANGOR** | | | |
| | a) | Bagaimanakah penilaian dibuat dalam proses pembuktian konsep (POC) bagi projek rintis DRT di Selangor? | **MBI** | |
| | b) | Apakah strategi Kerajaan Negeri bagi memastikan DRT mesra wanita, OKU dan warga emas? | **MBI** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 8. | **KEBUN KOMUNITI** | | | |
| | a) | Nyatakan jumlah kebun komuniti di kawasan Meru dan MBDK. | **MBDK** | |
| | b) | Apakah perancangan Kerajaan Negeri ke arah pengkomersilan hasil kebun komuniti? | **SBPT** | |
| | c) | Apakah jangkaan keberhasilan daripada program Geran Kecil Alam Sekitar? | **SPBT** | |
| | | | | |
| 9. | **KEGANASAN RUMAH TANGGA** | | | |
| | a) | Nyatakan statistik keganasan rumah tangga di Selangor yang direkodkan oleh PDRM bagi tahun semasa dan perbandingan dengan tahun 2023. | **JKM / PDRM** | |
| | b) | Apakah inisiatif kerajaan Negeri menangani masalah keganasan rumah tangga? | **SEKTORAL / JKM** | |
| | | | | |
| 10. | **DANA BANTUAN GUAMAN SELANGOR** | | | |
| | a) | Apakah status penggunaan peruntukan Dana Bantuan Guaman Selangor bagi tahun 2023 dan 2024? | **SEKTORAL** | |
| | b) | Berapakah bilangan penerima manfaat DBGS bagi kes berkaitan syariah? | **SEKTORAL** | |
| | | | | |
| **( 21 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA<br>Y.B. TUAN ABBAS SALIMMI BIN CHE ADZMI @ AZMI<br>(SERI SERDANG)** | | | | |
| 1. | **JEJANTAS DI PERSIARAN PUTRA PERMAI** | | | |
| | a) | Apakah ada cadangan untuk membina jejantas bagi penyelesaian isu kesesakan jalan raya di kawasan MRT Putra Permai dan di persimpangan GIANT Seri Kembangan? | **JKR / MBSJ** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **( 22 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA<br>Y.B. TUAN DANIAL AL-RASHID BIN HARON AMINAR RASHID<br>(BATU TIGA)** | | | | |
| **1.** | **MB INCOPORATED (MBI)** | | | |
| | **a)** | Berapakah anak syarikat yang terkini? Berikan senarainya. | **MBI** | |
| | **b)** | Apakah MBI mempunyai perancangan penstrukturan semula anak syarikat sedia ada? | **MBI** | |
| | **c)** | Berapakah bilangan anak syarikat MBI yang akan ditubuhkan tahun ini? Berikan senarainya. | **MBI** | |
| | | | | |
| **2.** | **PENJAWAT AWAM NEGERI SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah penjawat awam Negeri Selangor beserta senarainya mengikut agensi dan status tetap dan kontrak. | **BPSM** | |
| | **b)** | Adakah kerajaan menetapkan polisi pengambilan mestilah dari kalangan permaustatin Selangor atau terbuka? | **BPSM** | |
| | | | | |
| **3.** | **PELABUHAN PULAU CAREY** | | | |
| | **a)** | Apakah perancangan kerajaan untuk membangunkan Pelabuhan Pulau Carey beserta jadual perancangan? | **MAKRO** | |
| | **b)** | Apakah jangkaan pelaburan dan penggunaan di Pelabuhan Pulau Carey berbanding Westport dan Northport? | **MAKRO** | |
| | | | | |
| **4.** | **SIDEC DAN DIGITALISASI SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Apakah program yang dilaksanakan oleh SIDEC dan berapa penerima manfaat bagi setiap tahun sejak 2020? | **SIDEC** | |
| | **b)** | Senaraikan jenis perniagaan usahawan yang telah dilahirkan oleh SIDEC setakat ini. | **SIDEC** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **5.** | **PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR (PPAS)** | | | |
| | **a)** | Berikan senarai Perpustakaan PPAS di seluruh Negeri Selangor beserta kategori; negeri, daerah, dll. | **PPAS** | |
| | **b)** | Apakah perancangan program PPAS bagi tahun 2024? | **PPAS** | |
| | **c)** | Berapakah MOU yang telah ditandatangani oleh PPAS bersama pihak lain setakat ini? Senaraikan. | **PPAS** | |
| | | | | |
| **6.** | **PELABURAN NEGERI** | | | |
| | **a)** | Apakah inisiatif Kerajaan Negeri supaya anak-anak Selangor mendapat tempat diantara 26,500 peluang pekerjaan yang tersedia daripada pelaburan lebih RM9.4 billion oleh Google? | **INVEST** | |
| | **b)** | Adakah wujud kerjasama yang baik Kementerian Sumber Manusia bagi memastikan anak-anak Selangor mempunyai peluang pekerjaan di dalam negeri? | **INVEST** | |
| | | | | |
| **7.** | **PEMULIHAN PANGSAPURI KOS RENDAH** | | | |
| | **a)** | Pemilik rumah dan JMB kos rendah dan sederhana rendah sering mengeluh kedaifan perumahan mereka, apakah usaha yang boleh Kerajaan Negeri laksanakan? | **LPHS** | |
| | **b)** | Isu berkaitan struktur, kecantikan bangunan, turapan jalan sering dibangkitkan. Apakah cadangan solusi pihak kerajaan? | **LPHS** | |
| | **c)** | Apakah perancangan program Smart Partnership pemulihan pangsapuri akan dilaksanakan di DUN Batu Tiga pada tahun ini? | **LPHS** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 8. | **SELANGOR MARITIME GATEWAY** | | | |
| | a) | Apakah status perlaksanaan pembersihan sungai? | **LLSB** | |
| | b) | Apakah status pembangunan perumahan di plot Seksyen 24 Shah Alam? | **LLSB** | |
| | c) | Berapakah unit dan jenis perumahan dan komersial yang akan dibangunkan di Seksyen 24? | **LLSB** | |
| | | | | |
| 9. | **BELANJAWAN SELANGOR 2024** | | | |
| | a) | Apakah status perbelanjaan Negeri setakat ini? | **PWN** | |
| | b) | Bagaimanakah perancangan negeri untuk mengatasi Belanjawan defisit 2024 sebanyak RM330juta? | **PWN** | |
| | | | | |
| 10. | **KEBAJIKAN KAKITANGAN AWAM DI SELANGOR** | | | |
| | a) | Apakah program kebajikan yang disediakan untuk penjawat awam di Selangor? | **PERKESO** | |
| | b) | Adakah program seperti *Ready To Work* yang dilaksanakan PERKESO untuk penjawat yang hilang upaya disediakan di Selangor? | **PERKESO** | |
| | c) | Setakat ini berapa bilangan penjawat yang diberikan pencen ilat disebabkan hilang upaya mengikut tahun dan jenis upaya? | **PERKESO** | |
| | | | | |
| **( 23 ) PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA Y.B. DATUK WIRA JOHAN BIN ABD AZIZ (DUSUN TUA)** | | | | |
| 1. | **GEOPARK DI DUSUN TUA** | | | |
| | a) | Adakah Dusun Tua terlibat untuk dibangunkan sebagai calon geopark? | **SPBT** | |
| | b) | Dimanakah kawasan-kawasan di Dusun Tua yang telah dicadangkan untuk diwartakan sebagai geopark? | **SPBT** | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |
| **2.** | **MENYUSUNAN SEMULA GERAI BAGI PENJAJA KECIL DI TAMAN LAGENDA SURIA, HULU LANGAT** | | | |
| | **a)** | Apakah perancangan PBT untuk menyusun semula gerai penjaja kecil di Taman Lagenda Suria yang menjadi punca ketiadaan parkir dan kesesakan akibat tindakan peniaga berniaga secara berleluasa? | **MPKj** | |
| | **b)** | Apakah tindakan yang diambil PBT dalam membendung masalah peniaga yang tidak berlesen dan berniaga di kawasan yang tidak sesuai? | **MPKj** | |
| | **c)** | Terdapat gerai dan khemah yang usang ditinggalkan sehingga mencacatkan pemandangan dan suasana, apakah tindakan PBT? | **MPKj** | |
| | | | | |
| **3.** | **PONDOK BAS DI DUSUN TUA** | | | |
| | **a)** | Memohon kerajaan menaiktaraf pondok bas yang terdapat di Dusun Tua seperti memasang lampu yang lebih terang, membaiki bumbung pondok yang usang. | **MPKj** | |
| | **b)** | Apakah rancangan kerajaan untuk mengkaji semula kedudukan pondok bas yang tidak strategik agar lebih sesuai dengan keperluan semasa? | **MPKj** | |
| | | | | |
| **4.** | **MEDAN SELERA** | | | |
| | **a)** | Keadaan medan selera yang tidak tersusun ditambah pula dengan tindakan beberapa peniaga yang membuat ubahsuai premis tanpa sebarang kawalan dan kelulusan pihak berkuasa tempatan. Apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap isu ini? | **SPBT** | |
| | **b)** | Berapakah jumlah medan selera yang terdapat di Dusun Tua? | **MPKj** | |
| | **c)** | Adakah terdapat perancangan untuk menaiktaraf medan selera seperti kemudahan tandas awam dan parking? | **MPKj** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 5. | **PUSAT INKUBATUR PERTANIAN PEKAN BATU 18** | | | |
| | a) | Apakah perancangan pembangunan ataupun baikpulih di kawasan tersebut? | **JAB. PERTANIAN** | |
| | | | | |
| 6. | **KEMUDAHAN RANGKAIAN JALUR LEBAR** | | | |
| | a) | Apakah proses permohonan dan pemasangan bagi kawasan yang tiada rangkaian atau ketiadaan port? | **SMART SEL** | |
| | b) | Berapa lamakah jangka masa yang diambil bagi mendapatkan kemudahan tersebut selepas permohonan sepertimana permohonan di kawasan Sg Serai, Kuarters Loji Rawatan Air 2, Batu 18, Kampung Jawa, Dusun Tua dan sebahagian kampung Sg Lui? | **MPKj** | |
| | | | | |
| 7. | **POKOK-POKOK LAMA DI BAWAH SELIAN PBT** | | | |
| | a) | Nyatakan pelan rancangan bagi penyelenggaraan tersebut. | **MPKj** | |
| | b) | Bilakah kerja penyelenggaraan pokok dapat dilakukan di sekitar Taman Perkasa dan sebahagian kawasan di Taman Cheras Awana? | **MPKj** | |
| | | | | |
| 8. | **PERUNTUKAN MARRIS DUSUN TUA** | | | |
| | a) | Senaraikan jalan yang telah diselenggara pada tahun 2023. | **PWN** | |
| | b) | Nyatakan jumlah peruntukan MARRIS 2024. | **PWN** | |
| | | | | |
| 9. | **BINGKAS** | | | |
| | a) | Adakah pihak Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk menilai semula tempoh bantuan BINGKAS daripada 2 tahun kepada 1 tahun supaya lebih ramai rakyat yang memerlukan dapat menikmati bantuan BINGKAS ini? | **SEKTORAL** | |
| | b) | Bolehkah kuota setiap DUN dipertimbangkan untuk ditambah jumlah penerima bantuan? | **SEKTORAL** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 10. | **KUARI DI DUSUN TUA** | | | |
| | a) | Berapakah lesen kuari yang telah diluluskan dalam Dusun Tua mengikut PBT? Sila senaraikan butir-butirnya (nama syarikat, lokasi kuari,tempoh lesen). | PDT HL / JAB HUTAN | |
| | b) | Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan bagi memastikan bahawa aktiviti kuari tidak akan menggugat keselamatan awam, kerosakkan alam sekitar dan kawasan- kawasan perumahan / bangunan di sekitarnya? | PDT HL / JAB HUTAN | |
| | | | | |
| | | **( 24 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA<br>Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI<br>(SIJANGKANG)** | | |
| 1. | **STATUS KAMPUNG BARU INDIA DI PULAU CAREY** | | | |
| | a) | Apakah status Kampung Baru India di tanah kerajaan di Pulau Carey? | PDT KL | |
| | b) | Apakah proses pemberimilikan tapak kepada peneroka masyarakat India Pulau Carey masih diteruskan? | PDT KL | |
| | c) | Apakah status Kampung Orang Asli Bakalele? | PDT KL | |
| | | | | |
| 2. | **PEMBANGUNAN TANAH RIZAB MELAYU DI KAMPUNG MELAYU PULAU CAREY** | | | |
| | a) | Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi pembangunan keseluruhan tanah rizab Melayu di Kampung Melayu Pulau Carey sejajar dengan pembangunan yang akan berlaku? | PDT KL / MAKRO | |
| | | | | |
| 3. | **CUKAI TAKSIRAN TAPAK RUMAH DAN KOMERSIAL DI KAMPUNG TRADISI MELAYU** | | | |
| | a) | Apakah status pengenaan cukai taksiran tapak rumah dan komersial di kampung-kampung tradisi Melayu? | SPBT | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **4.** | **TAPAK KUIL AGAMA HINDU DI BSP** | | | |
| | **a)** | Apakah status tapak kuil penganut agama Hindu di BSP? | **PDT KL** | |
| | | | | |
| **5.** | **PEMBANGUNAN JEJANTAS BULATAN BANDAR SAUJANA PUTRA** | | | |
| | **a)** | Apakah status pembangunan jejantas bulatan Bandar Saujana Putra yang dijanjikan akan mula beroperasi bulan Mac yang lalu? | **PNSB** | |
| | | | | |
| **6.** | **PEMBANGUNAN MADRASAH DARUL MUJAHIDIN** | | | |
| | **a)** | Adakah Kerajaan Negeri telah memuktamadkan tidak akan membantu pembangunan Madrasah Darul Mujahidin sepertimana yang telah dibincangkan sebelum keputusan perpindahan penduduk dimuktamadkan? | **JAIS** | |
| | **b)** | Nyatakan alasan dan rasional keputusan Kerajaan Negeri tersebut. | **JAIS** | |
| | | | | |
| **7.** | **PERPUSTAKAAN DESA TAMAN SRI MEDAN** | | | |
| | **a)** | Apakah status pembangunan perpustakaan desa Taman Sri Medan? | **PPAS** | |
| | | | | |
| **8.** | **TANAH PENDUDUK KAMPUNG JAYA SEPAKAT** | | | |
| | **a)** | Apakah status milikan tanah penduduk Kampung Jaya Sepakat? | **PDT KL** | |
| | **b)** | Adakah keluasan lot-lot tanah telah dimuktamadkan? | **PDT KL** | |
| | | | | |
| **9.** | **STATUS PENEROKA BANDAR DI TANAH RIZAB KTM DI SEPANJANG JALAN RANTAU PANJANG, TELOK PANGLIMA GARANG** | | | |
| | **a)** | Apakah status peneroka bandar di tanah rizab KTM di sepanjang Jalan Rantau Panjang, Telok Panglima Garang? | **PDT KL** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **10.** | **STATUS MILIKAN TANAH KAMPUNG MANIKAVASAGAN PULAU CAREY** | | | |
| | **a)** | Apakah status milikan tanah Kampung Manikavasagan Pulau Carey? | **PDT KL** | |
| | **b)** | Adakah keluasan lot-lot telah dimuktamadkan? | **PDT KL** | |
| | | | | |
| | | **( 25 )**<br>**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA**<br>**Y.B. DATO' DR. HALIM BIN TAMURI**<br>**(PAYA JARAS)** | | |
| **1.** | **CUKAI PINTU UNTUK KAMPUNG TRADISI DAN KAMPUNG BAHARU** | | | |
| | **a)** | Apakah perkhidmatan yang diterima daripada cukai pintu yang dikenakan di kampung tradisi? | **SPBT** | |
| | **b)** | Apakah kriteria yang ditetapkan untuk pengecualian cukai pintu? | **SPBT** | |
| | **c)** | Siapakah yang menilai dan memberikan kelulusan pengecualian tersebut? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **2.** | **TUNTUTAN BANTUAN BENCANA ALAM (BANJIR) DI KAWASAN KAMPUNG PAYA JARAS, KAMPUNG MERBAU SEMPAK DAN KAMPUNG KUBU GAJAH** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah permohonan yang dikemukakan pada tahun 2024? | **PDT P / BENCANA** | **PDT P - S** |
| | **b)** | Berapakah jumlah permohonan yang diluluskan dan ditolak? | **PDT P / BENCANA** | |
| | **c)** | Apakah faktor-faktor yang menyebabkan permohonan ditolak? | **PDT P / BENCANA** | |
| | | | | |
| **3.** | **PELEBARAN JALAN BAGI MENGATASI KESESAKAN LALU LINTAS DI SIMPANG MASUK KE PERSIARAN SAUJANA UTAMA 1 KE JALAN BIDARA 9, BIDARA 9/3** | | | |
| | **a)** | Apakah perancangan MPKS untuk melebarkan jalan Simpang Masuk Ke Persiaran Saujana Utama 1 ke Jalan Bidara 9, Bidara 9/3? | **MPKS** | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | b) | Berapakah anggaran kos kerja-kerja pelebaran jalan ini? | **MPKS** | |
| | c) | Bilakah projek ini akan dimulakan? | **MPKS** | |
| | | | | |
| **4.** | **LONGKANG KAMPUNG MELAYU SUNGAI BULOH BERHAMPIRAN SIMPANG WARUNG KITA DAN SC NEIGHBOURHOOD MARKET, SUNGAI BULOH** | | | |
| | a) | Apakah perancangan pihak Kerajaan Negeri dan Persekutuan untuk menaik taraf sistem perparitan dan longkang yang lama di Kampung Melayu Sungai Buloh? | **JPS / MPS** | |
| | | | | |
| **5.** | **PRESTASI SPM, STPM DAN STAM PADA TAHUN 2022 - 2023 DI SEKOLAH-SEKOLAH MAAHAD INTEGRASI TAHFIZ SELANGOR (MITS)** | | | |
| | a) | Nyatakan prestasi pencapaian STEM dalam SPM 2022 dan 2023. | **JAIS** | |
| | b) | Apakah inisiatif terkini dalam meningkatkan kualiti pembelajaran STEM? | **JAIS** | |
| | c) | Adakah wujud MOA bersama IPT untuk melanjutkan pengajian dalam STEM? | **JAIS** | |
| | | | | |
| **6.** | **PENERIMA BIASISWA PELAJAR DI LUAR NEGARA BAWAH KERAJAAN NEGERI UNTUK TAHUN 2021 - 2023** | | | |
| | a) | Berapakah jumlah pelajar yang mendapat tajaan di luar negara pada tahun 2021-2023? | **BPSM** | |
| | b) | Nyatakan jumlah pelajar tersebut mengikut bidang-bidang pengajian. | **BPSM** | |
| | c) | Adakah pelajar persendirian berpeluang untuk memohon biasiswa ini? | **BPSM** | |
| | | | | |
| **7.** | **PROJEK MEMBAIK PULIH TEROWONG TAMAN MATANG PAGAR - TAMAN IMPIAN INDAH** | | | |
| | a) | Apakah status semasa perkembangan projek baik pulih yang telah diluluskan oleh pihak MPS? | **MPS** | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | **b)** | Bilakah projek tersebut akan bermula? | **MPS** | |
| | **c)** | Bilakah dijangka projek ini akan disiapkan sepenuhnya? | **MPS** | |
| | | | | |
| **8.** | **PENGOPERASIAN DAN KEWANGAN UNISEL** | | | |
| | **a)** | Nyatakan prestasi kewangan beraudit dari 2021-2023. | **UNISEL** | |
| | **b)** | Berapakah jumlah geran Kerajaan Negeri dari tahun 2022-2024? | **UNISEL** | |
| | **c)** | Adakah Kampus UNISEL Shah Alam dan Kampus UNISEL Bestari Jaya akan disatukan? | **UNISEL** | |
| | | | | |
| **9.** | **BAU BUSUK YANG BERLARUTAN DARI PENAMBAKAN TANAH DI TANAH PERKUBURAN ISLAM BAHARU PAYA JARAS** | | | |
| | **a)** | Berdasarkan aduan pada 18 Mei 2024, apakah tindakan semasa yang dilakukan bagi mengatasi bau busuk yang berlarutan? | **JAIS** | |
| | **b)** | Apakah langkah pencegahan bagi memastikan perkara ini tidak berulang? | **JAIS** | |
| | | | | |
| **10.** | **STATUS PERMOHONAN PEMASANGAN LAMPU JALAN JENIS SOLAR LED (PROGRAM PENCAHAYAAN) DI JALAN RAHIDIN 1, KAMPUNG PAYA JARAS HILIR, 47000 SUNGAI BULOH** | | | |
| | **a)** | Adakah projek ini telah diluluskan oleh Pihak Cawangan Kejuruteraan Elektrik, JKR Selangor? | **JKR** | |
| | **b)** | Bilakah projek ini akan dilaksanakan dan dijangka siap? | **JKR** | |
| | | | | |
| **( 26 ) PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA Y.B. TUAN DR. MOHD ZAMRI BIN MOHD ZAINULDIN (SUNGAI BURONG)** | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **1.** | **INISIATIF MENJADIKAN DEWAN BLOK S DI SUNGAI BURONG SEBAGAI SEBAHAGIAN SUMBER PENDAPATAN NEGERI & MASYARAKAT SETEMPAT** | | | |
| | **a)** | Apakah inisiatif-inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menjadikan Dewan Blok S di Sungai Burong sebagai sebahagian sumber pendapatan negeri dan masyarakat setempat? | **PDT KS** | |
| | **b)** | Adakah boleh untuk pejabat Ahli Dewan Negeri Sungai Burong memanfaatkannya atau apakah prosedur-prosedur yang perlu dibuat untuk pejabat Ahli Dewan Negeri Sungai Burong memanfaatkannya? | **PDT KS** | |
| | | | | |
| **2.** | **STATUS TERKINI MENGENAI USAHA KERAJAAN DI BIDANG PENGAJIAN KETERJAMINAN MAKANAN, AUTOMOTIF & AEROANGKASA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN** | | | |
| | **a)** | Daripada jawapan bertulis yang lepas, dua bidang pengajian yang perlu diberi perhatian dalam konteks Kerajaan Negeri yang masih belum ada setakat ini iaitu keterjaminan makanan dan automotive & aeroangkasa. Apakah status terkini mengenainya dan usaha-usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk perkara ini? | **AP / MBI** | |
| | | | | |
| **3.** | **STATUS TERKINI WIFI SMART SELANGOR & BANTUAN AKSES INTERNET KE SEKOLAH-SEKOLAH YANG LEBIH BAIK** | | | |
| | **a)** | Difahamkan Wifi Smart Selangor akan ditamatkan. Apakah status terkini mengenainya. Bagaimana pula status terkini projek Wifi Smart Selangor yang bekerjasama dengan PPAS & SMARTSES Sdn. Bhd? | **SMART SEL** | |
| | **b)** | Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Keraajaan Negeri untuk memastikan membantu sekolah-sekolah mendapatkan akses internet yang lebih baik dan bukan sekadar 30 mbps? | **SMART SEL** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **4.** | **PEMBERIMILIKAN TANAH BAWAH SEKSYEN 76 KTN BAGI PENDUDUK SETINGGAN & PENEROKA BANDAR** | | | |
| | **a)** | Pemberimilikan tanah bawah seksyen 76 KTN bagi penduduk setinggan & peneroka bandar. Sejauhmana Kerajaan Negeri serius menangani perkara ini dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menangisi isu ini? | **PTGS** | |
| | **b)** | Apakah kerajaan menangani perkara di atas bagi mereka yang asnaf atau tidak mampu untuk mengikuti pelan yang direncanakan serta apa pelan Kerajaan Negeri berkenaan perkara ini? | **PTGS** | |
| | | | | |
| **5.** | **STATUS TERKINI NAIKTARAF SISTEM PENGAIRAN SAWAH DI SAWAH SEMPADAN** | | | |
| | **a)** | Naik taraf sistem pengairan sawah dengan bajet 12.9 juta baru melibatkan 2 daripada 12 di sawah sempadan kerana isu birokrasi pengambilan tanah. Apakah status terkini mengenai isu yang penting ini dan apakah langkah-langkah yang telah diambil berkenaan 10 sawah sempadan yang lain? | **JAB. PERTANIAN** | |
| | | | | |
| **6.** | **STATUS TERKINI KUARTERS DI JALAN SG.KAJANG TG.KARANG** | | | |
| | **a)** | Kuarters di Jalan Sungai Kajang Tanjong Karang yang kini di bawah Air Selangor. Apakah status terkini mengenainya supaya boleh dimanfaatkan oleh Kerajaan Negeri dan masyarakat? | **AIR SEL** | |
| | | | | |
| **7.** | **MEWUJUDKAN KETUA KAMPUNG MADANI** | | | |
| | **a)** | Difahamkan Ketua Kampung Madani daripada Persekutuan akan diwujudkan. Kenapakah ianya perlu dibuat sedangkan ketua kampung negeri sudah wujud dan mempunyai sama inspirasi dengan Kerajaan Pusat? | **SEKTORAL** | |
| | **b)** | Bukankah ini sebuah pembaziran kepada dana awam dan sumber manusia? | **SEKTORAL** | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | c) | Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengelakkan pembaziran dana awam dan sumber manusia? | **SEKTORAL** | |
| | | | | |
| **8.** | **FAHAMAN LIBERALISME & PLURALISME** | | | |
| | **a)** | Setelah pencabaran fatwa liberalisme & pluralisme agama menang di peringkat mahkamah tinggi & rayuan, apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi menyekat fahaman & ajaran ini daripada tular dalam masyarakat di Negeri Selangor? | **JAIS** | |
| | | | | |
| **9.** | **PERATUS RIZAB TANAH MELAYU** | | | |
| | **a)** | Berapakah peratus rizab tanah Melayu di Selangor yang tidak diganti lagi? | **PTGS** | |
| | **b)** | Berapa peratus pula Tanah Rizab Melayu yang tidak diganti dengan sama jenis di Negeri Selangor? | **PTGS** | |
| | | | | |
| **10.** | **TUJUAN PENGGANTIAN DERMASISWA KEPADA PROGRAM DIPLOMA PENDIDIKAN IKHTISAS BAGI PEGAWAI PENDIDIKAN JAIS** | | | |
| | **a)** | Difahamkan dermasiswa STAM ditiadakan berdasarkan jawapan bertulis yang lalu, bahkan digantikan kepada program diploma Pendidikan ikhtisas bagi pegawai Pendidikan JAIS. Apakah tujuan diploma ini? | **JAIS** | |
| | **b)** | Apakah justifikasi kepada tindakan tersebut dan adakah ia adalah solusi kepada guru-guru KAFA yang berstatus kontrak? | **JAIS** | |
| | **c)** | Adakah Fast Track SPM Huffaz Negeri Selangor akan diteruskan dan bagaimanakah pelaksanaannya? | **JAIS** | |
| | | | | |

| BIL. | TAJUK | | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **( 27 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA<br>Y.B. TUAN JEFRI BIN MEJAN<br>(IJOK)** | | | | |
| **1.** | **UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah pengambilan pelajar baharu bagi peringkat sarjana muda di Unisel mengikut fakulti bagi tahun 2021 hingga 2023? | **UNISEL** | |
| | **b)** | Berapakah jumlah pengambilan pelajar baharu bagi peringkat pasca siswazah di Unisel mengikut fakulti bagi tahun 2021 hingga 2023? | **UNISEL** | |
| | | | | |
| **2.** | **UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (UIS)** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah pengambilan pelajar baharu bagi peringkat sarjana muda di UIS mengikut fakulti bagi tahun 2021 hingga 2023? | **UIS** | |
| | **b)** | Berapakah jumlah pengambilan pelajar baharu bagi peringkat pasca siswazah di UIS mengikut fakulti bagi tahun 2021 hingga 2023? | **UIS** | |
| | | | | |
| **3.** | **YAYASAN HIJRAH SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah pinjaman yang disalurkan HIJRAH bagi tempoh 2020 hingga 2023? | **HIJRAH** | |
| | **b)** | Berapakah kadar peratusan bayaran balik pinjaman bagi tempoh 2020 hingga 2023? | **HIJRAH** | |
| | | | | |
| **4.** | **PENGENDALIAN JENTERA BERAT PERTANIAN** | | | |
| | **a)** | Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk menggalakkan rakyat tempatan menguasai pengendalian jentera berat dalam bidang pertanian yang ketika ini didominasi warga asing? | **JAB. PERTANIAN** | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | b) | Apakah mekanisme yang diambil Kerajaan Negeri untuk mempromosikan atau memberikan latihan kepada golongan belia bagi memastikan kemahiran pengendalian jentera pertanian ini dapat diteruskan? | **JAB. PERTANIAN** | |
| | | | | |
| **5.** | **BANGUNAN YAYASAN SELANGOR BUKIT BINTANG** | | | |
| | **a)** | Bagaimanakah proses lantikan penilaian wajar atau *Due Diligence* Syarikat Redland Sdn. Bhd. dibuat bagi membangun Bangunan Yayasan Selangor Bukit Bintang? | **YS** | |
| | **b)** | Senaraikan penyewa terkini di Bangunan Yayasan Selangor Bukit Bintang berserta kadar sewa yang dikenakan. | **YS** | |
| | **c)** | Berapa jumlah kutipan sewaan perbulan di Bangunan Yayasan Selangor Bukit Bintang bagi tahun 2022 hingga Jun 2024? | **YS** | |
| | | | | |
| **6.** | **LANTIKAN KONSULTAN DI YAYASAN SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Bagaimanakah kaedah pelantikan syarikat Syarikat Konsultan Right Mind Consulting & Services yang bertujuan untuk penambahbaikan Skim Perkhidmatan dan Penggajian Kakitangan di Yayasan Selangor dibuat? | **YS** | |
| | **b)** | Apakah justifikasi pelantikan dan pemilihan syarikat ini? | **YS** | |
| | **c)** | Berapakah kos yang terbabit untuk lantikan syarikat ini? | **YS** | |
| | | | | |
| **7.** | **BAHAGIAN PENDIDIKAN YAYASAN SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Nyatakan nama syarikat konsultan perunding yang telah dilantik bagi menjalankan Kajian Keberkesanan Model Perniagaan Sedia Ada di Bahagian Pendidikan Yayasan Selangor? | **YS** | |
| | **b)** | Berapakah fi yang dibayar kepada konsultan ini? | **YS** | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | c) | Apakah dapatan daripada kajian keberkesanan tersebut? | **YS** | |
| | | | | |
| **8.** | **PENGUATKUASAAN UNTUK LEMBU TERBIAR** | | | |
| | a) | Adakah kerajaan Negeri bercadang untuk meminda enekmen pengguatkuasaan lembu terbiar agar penternak lebih bertanggungjawab? | **VETERINAR** | |
| | b) | Berapakah kompaun yang dikenakan kepada penternak lembu terbiar? | **SPBT** | |
| | c) | Adakah kompaun tersebut cukup untuk menampung kos penyimpanan dan penjagaan lembu di depoh sementara? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **9.** | **AKSES PENDIDIKAN TINGGI ORANG ASLI** | | | |
| | a) | Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk menggalakkan Orang Asli di Selangor meneruskan pengajian di institusi pendidikan tinggi (IPT)? | **SEKTORAL** | |
| | b) | Nyatakan statistik Orang Asli di Selangor yang menyambung pengajian di peringkat pendidikan tinggi bagi tahun 2022 dan 2023. | **SEKTORAL** | |
| | | | | |
| **10.** | **BANTUAN WARGA EMAS (BWE) & SKIM MESRA USIA EMAS (SMUE)** | | | |
| | a) | Berapakah statistik penerima Bantuan Warga Emas (BWE) di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor mengikut daerah bagi tahun 2020 hingga 2023? | **JKM** | |
| | b) | Adakah Kerajaan Negeri bercadang menambah baik inisiatif Skim Mesra Usia Emas (SMUE) selain pemberian baucar beli-belah RM150/setahun dan khairat kematian sebanyak RM500? | **SEKTORAL** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **( 28 )**<br>**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA**<br>**Y.B. TUAN MOHD RAZALI BIN SAARI**<br>**(SUNGAI PANJANG)** | | | | |
| **1.** | **LAMPU SOLAR** | | | |
| | **a)** | Apakah status terkini jumlah lampu solar yang telah dipasang dalam daerah Sabak Bernam dan senaraikan tempat/ lokasi/ jalan lampu solar dipasang bagi setiap Dun (N01,N02,N03,N04) dengan terperinci dalam daerah Sabak Bernam semenjak dilancarkan sehingga Mei 2024? | **JKR** | |
| | **b)** | Berapa harga serta kos pemasangan setiap sebuah lampu solar dari mula pemasangan sehingga selesai dan kos penyelenggaraan serta senaraikan syarikat-syarikat yang mendapat tender pemasangan dan penyelenggaraan? | **JKR** | |
| | **c)** | Bagaimana cara pihak kerajaan menentukan lokasi pemasangan dan kepada agensi mana jika rakyat, penduduk, surau, masjid ingin memohon lampu solar? | **JKR** | |
| | | | | |
| **2.** | **TANAH** | | | |
| | **a)** | Berapakah kadar bayaran permohonan dan premium tanah semasa bagi mendapatkan geran di negeri Selangor bagi Kampung Tradisional Melayu, Kampung Baru Cina dan India? | **PTGS** | |
| | **b)** | Bagaimana proses permohonan tanah untuk tujuan bangunan kediaman bagi pemohon yang mempunyai Lesen Menduduki Sementara (LMS) dan tidak mempunyai LMS tetapi telah menduduki / peneroka tanah tersebut lebih 30 tahun? | **PTGS** | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | c) | Apakah status terkini program pemutihan Kampung Tradisi Melayu yang sedang dalam tindakan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) terhadap pemutihan bangunan kediaman yang dibina di atas tanah pertanian di pinggir bandar masih belum mendapat geran dalam negeri Selangor serta senaraikan kampung-kampung tersebut semenjak program pemutihan ini bermula sehingga yang terkini 2024? | **PTGS** | |
| | | | | |
| **3.** | **SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN (SABK)** | | | |
| | a) | Berapakah jumlah Sekolah Agama Menengah (SAM) / Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di Selangor dan senaraikan secara terperinci sekolah-sekolah tersebut serta usia bangunan setiap sekolah? | **JAIS** | |
| | b) | Apakah kerajaan Selangor mempunyai hasrat bekerjasama dengan Sekolah Menengah Agama Swasta supaya boleh dinaik taraf kepada SABK dan senaraikan Sekolah Agama Sawsta yang berdaftar di Selangor? | **JAIS** | |
| | c) | Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan pelantikan guru tetap di semua sekolah agama di seluruh Negeri Selangor dan senaraikan secara khusus perancangan tersebut? | **JAIS** | |
| | | | | |
| **4.** | **PELANCONGAN DAN HOMESTAY** | | | |
| | a) | Apakah status terkini Garis Panduan Inap Dusun di bawah Program Pemurnian Pelancongan Negeri Selangor (P3S) yang telah diperkenalkan pada tahun 2019? | **SPBT** | |
| | b) | Apakah ada tindakan yang diambil terhadap homestay yang tidak berdaftar dan senaraikan bentuk tindakan yang telah diambil / laksanakan dari tahun 2019 sehingga pertengahan tahun 2024? | **SPBT** | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | c) | Senaraikan hos komuniti setempat di setiap daerah bagi membangunkan produk pelancongan berasaskan pengalaman (*Experiential Tourism*) yang memberi impak kepada pelancong serta menjana ekonomi pengusaha homestay setempat? | **TSSB** | |
| | | | | |
| **5.** | **NELAYAN** | | | |
| | a) | Di daerah Sabak Bernam terdapat 47 lot kebun kerang yang aktif daripada 115 lot kebun kerang yang tidak aktif, apakah status terkini lot kebun kerang yang tidak aktif? | **PERIKANAN** | |
| | b) | Pengeluaran benih kerang semakin merosot, apakah perancangan jangka masa pendek dan jangka masa panjang kerajaan negeri untuk menambah pengeluaran benih kerang? | **PERIKANAN** | |
| | c) | Apakah status terkini jeti-jeti di daerah Sabak Bernam yang tidak mempunyai permit dan usaha kerajaan serta tindakan kerajaan kepada pemilik jeti tersebut? | **LUAS** | |
| | | | | |
| **6.** | **PERTANIAN** | | | |
| | a) | Senaraikan bentuk insentif kerajaan yang telah diterima oleh petani tanaman kontan yang jumlah mereka seramai 401 orang? | **PERTANIAN** | |
| | b) | Apakah ada usaha dan tindakan dari pihak Jabatan Pertanian membuat kerjasama dengan Jabatan Imegresen bagi membanteras PATI yang mengusahakan dan menyewa tanah pertanian? | **PERTANIAN** | |
| | c) | Nyatakan sayuran apakah yang telah diusahakan oleh petani tanaman kontan yang telah mendapat peruntukan RM500,000.00 bagi tahun 2024 dengan kadar maksima RM20,000.00 per hektar? | **PERTANIAN** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 7. | **SRA UZUR** | | | |
| | a) | Senaraikan sekolah (SRA) yang telah dikenalpasti uzur dengan disusun mengikut merit serta nyatakan bagaimana penilain merit tersebut? | **JAIS** | |
| | b) | Adakah peruntukan semasa tahunan Kerajaan Negeri dapat menampung sekolah (SRA) uzur yang melibatkan keselamatan guru dan pelajar (telah dimeritkan) cukup bagi menyelesaikan masalah ini dan nyatakan berapa sepatutnya yang perlu diterima oleh JAIS berdasarkan merit tersebut? | **JAIS** | |
| | c) | Berapa lama proses yang diambil dari kenalpasti sekolah (SRA) uzur, susun mengikut merit sehingga bangunan sekolah (SRA) boleh diguna dengan selamat? | **JAIS** | |
| | | | | |
| 8. | **PEGANGAN PERMIT PENGGUNAAN** | | | |
| | a) | Apakah status terkini tanah rizab dan hutan simpan di Negeri Selangor yang diberikan Pegangan Permit Penggunaan individu dan syarikat-syarikat sehingga Mei 2024? | **PTGS** | |
| | b) | Adakah tempoh pajakan sepuluh (10) tahun, ada yang memohon untuk sambung semula selepas tamat tempoh Pegangan Permit Penggunaan tersebut serta senaraikan individu atau syarikat yang memohon untuk menyambung lagi tempoh pajakan? | **PTGS** | |
| | c) | Senaraikan jumlah permohonan tanah Kerajaan Negeri yang telah dikeluarkan Pegangan Permit Penggunaan serta individu dan syarikat yang memohon dalam tempoh 15 tahun ini? | **PTGS** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **9.** | **HUTAN SIMPAN SUNGAI KARANG** | | | |
| | **a)** | Apa status terkini kawasan tadahan air di Hutan Simpan Sungai Karang selepas dilaksanakan projek di kawasan tersebut semenjak 2019? | **JAB. HUTAN** | |
| | **b)** | Berapa keluasan (hektar) kawasan tadahan air di Hutan Simpan Sungai Karang yang membekalkan air untuk pesawah dan berapa luas (hektar) yang diberikan permit penggunaan serta terjejas kesan daripada projek-projek tersebut? | **JAB. HUTAN** | |
| | **c)** | Apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor jangka masa pendek dan jangka masa panjang bagi memastikan kawasan tadahan air Hutan Simpan Sungai Karang terpelihara serta memastikan pegangan permit penggunaan hutan simpan dikawal? | **JAB. HUTAN** | |
| | | | | |
| **10.** | **PROJEK DALAM KAWASAN PERMIT PENGGUNAAN DI KOMPARTMEN 1,2,15,16,18,19,22 DAN 23 HUTAN SIMPAN KARANG** | | | |
| | **a)** | Apakah status terkini projek di Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3 serta senaraikan projek tanaman yang telah dilaksanakan dan berapa keluasan projek yang telah berjalan bagi setiap fasa? | **JAB. HUTAN** | |
| | **b)** | Berapa ramai jumlah peserta yang memohon bagi projek setiap fasa-fasa tersebut dan senaraikan peserta yang terbabit bagi setiap fasa dengan terperinci? | **JAB. HUTAN** | |
| | **c)** | Berapa ekar setiap peserta yang layak dapat melaksanakan projek tersebut dan senaraikan setiap peserta yang layak melaksanakan projek tersebut? | **JAB. HUTAN** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **( 29 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA<br>Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH<br>(SUNGAI RAMAL)** | | | | |
| **1.** | **JALAN KAMPUNG** | | | |
| | **a)** | Bilakah program pelebaran jalan utama Kg. Sungai Ramal Dalam akan dilaksanakan bagi menyelesaikan<br>masalah *bottle neck* di pertemuan jalan Kg. Sungai Ramal dalam dengan seksyen 8 Bandar Baru Bangi? | **JKR** | |
| | | | | |
| **2.** | **AUDIT PENGURUSAN MASJID** | | | |
| | **a)** | Nyatakan berapa banyak masjid dalam Selangor yang sudah dikenalpasti untuk dibuat audit pengurusan bagi tahun 2023-2024? | **JAIS** | |
| | **b)** | Apakah perkara yang diaudit? | **JAIS** | |
| | **c)** | Apakah hasil audit berkenaan boleh dibentangkan ke Jawatankuasa PAC? | **JAIS** | |
| | | | | |
| **3.** | **PROGRAM JOM KERJA BELIA SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Apakah program ini ada diaudit bagi tahun 2023? | **SEKTORAL** | |
| | **b)** | Siapakah pihak yang meng-audit? | **SEKTORAL** | |
| | **c)** | Kepada siapakah audit berkenaan dibentangkan? | **SEKTORAL** | |
| | | | | |
| **4.** | **INSENTIF PENDIDIKAN TVET** | | | |
| | **a)** | Apakah jenis-jenis insentif pendidikan TVET yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi menggalakkan penyertaan awam bagi tahun 2023? | **AP** | |
| | **b)** | Ramai manakah belia yang menyambutnya? | **AP** | |
| | **c)** | Berapakah peruntukan yang tidak digunakan? | **AP** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 5. | **PROJEK NAIK TARAF JALAN REKO** | | | |
| | a) | Apakah status terkini projek naik taraf Jalan Reko, Kajang? | **JKR** | |
| | | | | |
| 6. | **PROJEK TEBATAN BANJIR BANGI** | | | |
| | a) | Apakah status terkini projek tebatan banjir di Pekan Bangi? | **JPS** | |
| | | | | |
| 7. | **LANDASAN LUMAYAN SDN. BHD. (LLSB)** | | | |
| | a) | Apakah YAB Menteri Besar masih kekal sebagai Pengerusi Syarikat Landasan Lumayan Berjaya sehingga hari ini? | **LLSB** | |
| | | | | |
| 8. | **BANTUAN MANGSA RIBUT** | | | |
| | a) | Apakah bantuan yang diberikan kepada mangsa ribut 27 Mei 2024 di Taman Impian Ehsan, Balakong (dalam DUN Sungai Ramal)? | **PDT HL** | |
| | b) | Bilakah disampaikan dan berapa ramaikah terlibat? | **PDT HL** | |
| | | | | |
| 9. | **PBT MPKJ** | | | |
| | a) | Apakah tindakan bagi membendung berulangnya banjir dipersekitaran Taman Ramal Villa, Kampung Sungai Ramal Dalam? | **MPKj** | |
| | | | | |
| 10. | **TINDAKAN JABATAN KERJA RAYA (JKR)** | | | |
| | a) | Apakah tindakan bagi membendung berulangnya banjir dipersekitaran Surau Al-Tolabiyah, Kampung Sungai Ramal Luar? | **PDT HL** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **( 30 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA<br>Y.B. TUAN MU'IZZUDDEEN BIN MAHYUDDIN<br>(HULU BERNAM)** | | | | |
| **1.** | **TAHUN MELAWAT SELANGOR 2025** | | | |
| | **a)** | Senaraikan lokasi di Hulu Bernam yang menjadi fokus Kerajaan Negeri untuk menjadi destinasi pelancong bagi Tahun Melawat Selangor 2025. | **TSSB** | |
| | **b)** | Nyatakan jumlah peruntukan yang diperuntukkan untuk pembangunan destinasi pelancongan di Hulu Bernam. | **TSSB** | |
| | | | | |
| **2.** | **PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI)** | | | |
| | **a)** | Nyatakan jumlah Pelaburan Langsung Asing (FDI) ke Negeri Selangor sejak 2019-2023. | **INVEST** | |
| | **b)** | Apakah pecahan mengikut peratusan sektor ekonomi daripada FDI tersebut dari 2019-2023? | **INVEST** | |
| | | | | |
| **3.** | **PUSAT JUDI** | | | |
| | **a)** | Nyatakan jumlah pusat-pusat judi yang diluluskan lesen perniagaan di setiap PBT dari 2019-2023. | **SPBT** | |
| | **b)** | Berapakah jumlah hasil yang diperoleh Kerajaan Negeri daripada kelulusan lesen pusat-pusat judi tersebut dari 2019-2023? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **4.** | **PENJUALAN ARAK** | | | |
| | **a)** | Nyatakan jumlah kelulusan lesen jualan arak di setiap PBT dari 2019-2023. | **SPBT** | |
| | **b)** | Berapakah hasil yang diperoleh Kerajaan Negeri daripada kelulusan lesen tersebut dari 2019-2023? | **SPBT** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **5.** | **CUKAI TANAH** | | | |
| | **a)** | Berapakah hasil perolehan cukai tanah Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor (PDTHS) dari 2019-2023? | **PDT HS** | |
| | **b)** | Berapakah tempoh penilaian semula cukai tanah dibuat? | **PDT HS** | |
| | **c)** | Berapakah kenaikan peratusan cukai tersebut setiap kali penilaian semula dibuat? | **PDT HS** | |
| | | | | |
| **6.** | **CUKAI TAKSIRAN** | | | |
| | **a)** | Nyatakan hasil perolehan cukai taksiran Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) dari 2019-2023. | **MPHS** | |
| | **b)** | Bilakah tahun terakhir penilaian semula ini dibuat? | **MPHS** | |
| | **c)** | Berapakah kadar peratusan kenaikan pada tahun 2024? | **MPHS** | |
| | | | | |
| **7.** | **Pemasangan Lampu LED** | | | |
| | **a)** | Adakah pemasangan tiang lampu Solar Kerajaan Negeri Selangor masih diteruskan untuk tahun 2024? | **JKR** | |
| | **b)** | Berapakah jumlah tiang yang sudah dipasang di setiap DUN sehingga Mei 2024? | **JKR** | |
| | | | | |
| **8.** | **USAHA MEMBASMI KEMISKINAN** | | | |
| | **a)** | Berapakah kadar kemiskinan & pengangguran direkodkan di Negeri Selangor sejak 2019-2023? | **SEKTORAL** | |
| | **b)** | Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri menurunkan kadar kemiskinan di Selangor? | **SEKTORAL** | |
| | **c)** | Berapakah perbelanjaan yang diperuntukkan bagi usaha ini dari 2019-2023? | **SEKTORAL** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **9.** | **PRESTASI PELABURAN** | | | |
| | **a)** | Berapa peratus KDNK Kerajaan Negeri sejak 2019-2023? | **INVEST** | |
| | **b)** | Berapakah jumlah pelaburan terus dari dalam dan luar negara kepada Kerajaan Negeri sejak 2019-2023? Berikan jumlah mengikut pecahan DDI & FDI. | **INVEST** | |
| | **c)** | Apakah usaha-usaha menarik pelabur dan meningkatkan FDI & DDI Negeri Selangor? | **INVEST** | |
| | | | | |
| **10.** | **SELANGOR *SOFT LANDING PROGRAMME*** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan bagi Selangor *Soft Landing Programme*? | **INVEST** | |
| | **b)** | Berapakah jumlah pelabur yang telah melabur dari dalam dan luar negara? | **INVEST** | |
| | **c)** | Berapakah nilai pelaburan mereka mengikut sektor? | **INVEST** | |
| | | | | |
| | | **( 31 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA<br>Y.B. TUAN NOOR NAJHAN BIN MOHAMAD SALLEH<br>(SEMENTA)** | | |
| **1.** | **BANTUAN PERSEKOLAHAN PERSENDIRIAN** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah sumbangan peruntukkan Kerajaan Negeri kepada sekolah sekolah persendirian di Negeri Selangor mengikut jenis kategori sejak 2008 - 2023? | **AP** | |
| | **b)** | Berapakah jumlah sekolah yang mendapat manfaat mengikut jenis kategori tersebut? | **AP** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **2.** | **KILANG HARAM** | | | |
| | **a)** | Sejauh manakah Kerajaan Negeri mampu memantau dan menyekat dengan tegas agar tiada kilang haram yang baru di bina khususnya di DUN Sementa? | **MBDK** | |
| | **b)** | Apakah terdapat pembinaan yang baru tahun 2023 - terkini dan apakah tindakan yang telah diambil? | **MBDK** | |
| | | | | |
| **3.** | **KPI MESYUARAT TASK FORCE BANJIR** | | | |
| | **a)** | Merujuk kepada semakan audit, mendapati kekerapan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Taskforce Banjir bagi tahun 2015 hingga 2022 adalah tidak mengikut ketetapan sekurang-kurangnya empat kali setahun kecuali pada tahun 2020, dan tiada mesyuarat pada tahun 2022. Kenapa perkara ini boleh berlaku? | **JPS** | |
| | **b)** | Apakah Kerajaan Negeri tidak serius dalam menangani isu banjir di Selangor? | **JPS** | |
| | | | | |
| **4.** | **KEPERLUAN SEKOLAH RENDAH DAN SEKOLAH MENENGAH** | | | |
| | **a)** | Adakah Kerajaan Negeri sudah mengenal pasti sama ada sekolah rendah dan menengah agama di Negeri Selangor mencukupi untuk menampung jumlah pelajar di Negeri Selangor? | **JAIS** | |
| | **b)** | Adakah kajian telah dilakukan sama ada kawasan yang ada keperluan tersebut mempunyai tapak dan peruntukkan untuk dibina sekolah agama tersebut? | **JAIS** | |
| | | | | |
| **5.** | **WARISAN BUDAYA DAN MAKANAN** | | | |
| | **a)** | Apakah sudah dikenalpasti warisan budaya dan makanan untuk setiap daerah di Negeri Selangor? | **PADAT** | |
| | **b)** | Mohon dinyatakan warisan budaya dan makanan tersebut mengikut daerah dan program yang telah dan akan dilaksanakan. | **PADAT** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 6. | **SEKOLAH ASRAMA BANTUAN KERAJAAN** | | | |
| | a) | Apakah Kerajaan Negeri ada usaha untuk menambah bilangan sekolah asrama bantuan Kerajaan Negeri Selangor atau menaiktaraf sekolah harian di bawah Kerajaan Negeri kepada SABK? | **JAIS** | |
| | b) | Mohon senaraikan 10 sekolah terbaik keputusan SPM tahun 2023 di Selangor. | **PENDIDIKAN** | |
| | | | | |
| 7. | **KOLAM TADAHAN KAMPUNG SUNGAI PINANG** | | | |
| | a) | Apakah ada diwartakan tapak kolam tadahan di Kampung Sungai Pinang DUN Sementa? | **JPS** | |
| | b) | Apakah usaha kerajaan bagi membantu mengatasi banjir kilat yang sering berlaku di Kampung Sungai Pinang khususnya di jalan Dato Md Sidin - Jalan Goh Hock Huat? | **JPS** | |
| | | | | |
| 8. | **SUKAN BOLA SEPAK** | | | |
| | a) | Apakah perancangan kerajaan di dalam meningkatkan kualiti dan kemajuan bola sepak di Negeri Selangor? | **MSNS** | |
| | b) | Apakah ada perancangan untuk mewujudkan padang bola sepak di kampung-kampung? Kongsikan perancangan tersebut. | **MSNS** | |
| | | | | |
| 9. | **HAIWAN LIAR** | | | |
| | a) | Apakah tindakan yang berkesan *best practice* dalam menangani binatang liar seperti anjing, monyet dan babi hutan? | **PERHILITAN / SPBT** | |
| | b) | Apakah kaedah untuk menangkap binatang liar tersebut? | **PERHILITAN** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **10.** | **CUKAI TAKSIRAN** | | | |
| | **a)** | Adakah kerajaan berhasrat untuk menangguhkan kenaikan cukai ini? | **SPBT** | |
| | **b)** | Berapakah tunggakan hasil cukai di DUN Sementa? | **SPBT** | |
| | **c)** | Apakah manfaat yang boleh diperolehi oleh rakyat? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **( 32 )**<br>**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA**<br>**Y.B. TUAN NUSHI BIN MAHFODZ**<br>**(SEMENYIH)** | | | | |
| **1.** | **TANAH RIZAB MELAYU** | | | |
| | **a)** | Berapakah peratus tanah rezab melayu yang berbaki di DUN Semenyih berbanding jumlah asal? | **PTGS** | |
| | | | | |
| **2.** | **GUNATANAH OLEH PEMAJU** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah gunatanah oleh pemaju untuk projek pembangunan & Taman perumahan baharu di DUN Semenyih dari tempoh 2018 hingga 2023? | **MPKj** | |
| | **b)** | Mohon senaraikan. | **MPKj** | |
| | | | | |
| **3.** | **PASAR AWAM PEKAN SEMENYIH** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah pasar kendalian Kerajaan Negeri Selangor di DUN Semenyih dan apakah status Pasar Sementara Pekan Semenyih? | **MPKj** | |
| | **b)** | Bilakah Pasar Awam Pekan Semenyih akan disiapkan? | **MPKj** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **4.** | **NAIK TARAF FASILITI EKO PELANCONGAN** | | | |
| | **a)** | Apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor dalam menaiktaraf fasiliti eko pelancongan dan agro pelancongan di DUN Semenyih menjelang Tahun Melawat Selangor 2025? | **MPKj** | |
| | **b)** | Apakah langkah pencegahan & keselamatan daripada pihak Kerajaan Negeri Selangor terhadap aktiviti mendaki khasnya di Bukit Broga yang telah meragut nyawa seorang pendaki remaja berusia 16 tahun baru-baru ini? | **JAB. HUTAN** | |
| | | | | |
| **5.** | **KUALITI PENDIDIKAN PENDUDUK ASAL** | | | |
| | **a)** | Sejauhmanakah usaha pihak Kerajaan Negeri dalam meningkatkan kualiti pendidikan penduduk asal yang berada di DUN Semenyih? | **JAKOA** | |
| | **b)** | Nyatakan berapakah bilangan pelajar dikalangan penduduk asal bagi setiap sekolah di DUN Semenyih bagi tahun 2023 dan 2024 dan apakah pencapaiannya? | **JAKOA** | |
| | **c)** | Adakah sebarang keciciran dan apa penyelesaiannya? | **JAKOA** | |
| | | | | |
| **6.** | **PERUNTUKAN ADN PEMBANGKANG** | | | |
| | **a)** | Mengapakah ada perbezaan kaedah dalam tuntutan (claim) peruntukan ADN Selangor antara ADN kerajaan / penyelaras dengan ADN Bukan Kerajaan? | **PEJ. MB** | |
| | **b)** | Tuntutan(claim) atas nama Masjid / Surau / NGO/ Persatuan Penduduk/ PIBG dibenarkan kepada ADN kerajaan & penyelaras ADN tetapi tidak kepada ADN Bukan Kerajaan. Apakah rasionalnya? | **PEJ. MB** | |
| | | | | |
| **7.** | **PEMBAKARAN SAMPAH HARAM & TERBUKA** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah kes pembakaran sampah haram & pembakaran terbuka khasnya di DUN Semenyih yang dikesan dan telah diambil tindakan oleh pihak Kerajaan Selangor semenjak 2023? | **MPKj** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **8.** | **PENJENAYAH ALAM SEKITAR** | | | |
| | **a)** | Apakah langkah pencegahan yang telah dilakukan terhadap penjenayah alam sekitar yang melakukan kesalahan yang membabitkan pembakaran sampah haram & pencemaran bau? | **JAS / MPKj** | |
| | | | | |
| **9.** | **ISU PEMBUANGAN SAMPAH** | | | |
| | **a)** | Apakah kemajuan dari sudut tindakan dan penyelesaian terhadap isu pembuangan sampah di kampung-kampung tradisi di DUN Semenyih, khususnya di kawasan Beranang? | **MPKj** | |
| | **b)** | Apakah pula tindakan dan penyelesaian yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan terhadap pengurusan sampah di pangsapuri yang tiada Badan Pengurusan Bersama @ JMB? | **MPKj** | |
| | | | | |
| **10.** | **TAULIAH** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah tauliah yang telah dianugerahkan semenjak 2018 dan berapa pula jumlah yang telah ditarik oleh JAIS semenjak 2018? | **JAIS** | |
| | **b)** | Mohon senaraikan faktor penarikan tersebut mengikut kesalahan yang telah dilakukan. | **JAIS** | |
| | **c)** | Berapakah pula jumlah senarai tauliah untuk imam-imam masjid dan surau yang telah dianugerahkan semenjak 2018 dan yang juga yang telah ditarik balik? | **JAIS** | |
| | | | | |
| **( 33 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA<br>Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI<br>(SABAK)** | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | **AJARAN SESAT DI SELANGOR** | | | |
| | a) | Berapa jumlah ajaran yang telah diwartakan sebagai sesat sehingga kini? | MAIS | |
| | b) | Apakah strategi dan langkah bagi menyedarkan mereka? | MAIS | |
| | c) | Berapa yang telah berjaya dan berapa yang gagal? | MAIS | |
| | | | | |
| 2. | **LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL DAN PANEL PENASIHAT KLINIK KESIHATAN DI SELANGOR** | | | |
| | a) | Sila beri senarai penuh semua wakil dan anggota dalam Lembaga Pelawat Hospital dan Penasihat Klinik Kesihatan Kerajaan dalam Selangor. | JKNS | |
| | b) | Apakah mekanisma khusus yang digunakan untuk menilai fungsi dan keberkesanan setiap Ahli Lembaga ini? | JKNS | |
| | | | | |
| 3. | **JETI NELAYAN KECIL PESISIR PANTAI DI SABAK BERNAM** | | | |
| | a) | Berapakah Jumlah jeti-jeti ini di Sabak Bernam? Nyatakan lokasinya setiap satu. | LUAS | |
| | b) | Bilakah kali terakhir jeti-jeti ini dibaik pulih? Nyatakan Tarikh setiap satunya. | LUAS | |
| | | | | |
| 4. | **MISKIN TEGAR DI SELANGOR** | | | |
| | a) | Bilakah kajian terakhir dibuat bagi mengenalpasti jumlah mereka? Nyatakan jumlah sebenar. | SEKTORAL | |
| | b) | Apakah persediaan kerajaan dan strategi bagi mengeluarkan mereka dari kemiskinan terutama kesan kos sara hidup yang tinggi? | SEKTORAL | |
| | | | | |
| 5. | **GANGGUAN BEKALAN AIR** | | | |
| | a) | Kekerapan gangguan mengikut daerah bagi tahun 2022 berbanding tahun 2023. | AIR SEL | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **6.** | **PELAJAR DI LUAR NEGARA** | | | |
| | **a)** | Nyatakan jumlah yang mendapat derma siswa, biasiswa dan zakat dari Kerajaan Selangor. | **BPSM** | |
| | **b)** | Sejak dari tahun 2020, berapakah jumlah mereka yang gagal menamatkan pengajian? Dan nyatakan sebabnya. | **BPSM** | |
| | | | | |
| **7.** | **SEKOLAH-SEKOLAH MITS** | | | |
| | **a)** | Mohon penjelasan pencapaian SPM 2023 bagi keseluruhan sekolah-sekolah MITS. | **JAIS** | |
| | **b)** | Bagaimana tindakan Kerajaan bagi menangani kekurangan guru pakar terutama dalam bidang Sains dan Matematik di beberapa sekolah MITS? | **JAIS** | |
| | | | | |
| **8.** | **PROJEK SABDA** | | | |
| | **a)** | Nyatakan keluasan kawasan bagi pembinan pusat pendaratan dan pemperosesan ikan tuna di Sungai Lang. | **MBI** | |
| | **b)** | Apakah keseluruah projek ini akan melibatkan pengambilan tanah individu? Jika Ya, Bilakah notis akan dikeluarkan? | **MBI** | |
| | | | | |
| **9.** | **JAJARAN REL KITA SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Adakah kajian telah dimulakan dan bila Keputusan kajian ini dapat diumumkan? | **MAKRO** | |
| | **b)** | Siapakah yang dilantik atau dipilih untuk terlibat melaksanakan kajian ini? | **MAKRO** | |
| | | | | |
| **10.** | **PERTANIAN MODEN** | | | |
| | **a)** | Adakah Kerajaan akan membina empangan bagi membekal air bersih dan berkualiti khusus bagi tujuan penanaman padi? Bilakah projek ini akan dapat dimulakan? | **PERTANIAN** | |
| | **b)** | Bilakah kerajaan alan membekal jentera mesin tuai padi yang lebih baik dari yang digunakan sekarang ini? | **PERTANIAN** | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |
| | | **( 34 )**<br>**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA**<br>**Y.B. DATO' HARRISON BIN HASSAN**<br>**(JERAM)** | | |
| **1.** | | **WARGA ASING DI TAMAN INDUSTRI ALAM JAYA** | | |
| | **a)** | Apakah butiran perancangan dan tindakan Kerajaan Negeri dalam mengekang limpahan pendatang asing tanpa izin yang bertambah dengan banyaknya di Bandar Puncak Alam khususnya di sekitar Taman Industri Alam Jaya? | **IMIGRESEN** | |
| | | | | |
| **2.** | | **PROJEK PEMBINAAN PAKEJ A SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)** | | |
| | **a)** | Merujuk kepada Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas INFRAGRO ke-15 tahun 2024 berhubung Projek Pembinaan Pakej A Skim Jaminan Air Mentah (SJAM), apakah status semasa pelaksanaan projek tersebut? | **MAKRO** | |
| | **b)** | Berdasarkan status semasa, adakah projek tersebut akan dapat disiapkan menjelang tarikh jangka siap yang ditetapkan iaitu 31 Ogos 2024? | **MAKRO** | |
| | **c)** | Apakah jaminan Kerajaan Negeri dalam memastikan projek ini tidak selesai lewat atau ditangguhkan berulang kali? | **MAKRO** | |
| | | | | |
| **3.** | | **RIZAB KEWANGAN NEGERI UNTUK PEMBANGUNAN BANDAR PUNCAK ALAM** | | |
| | **a)** | Berdasarkan kalendar kewangan terkini, apakah status rizab kewangan bagi Negeri Selangor? | **PWN** | |
| | **b)** | Dengan purata peningkatan rizab berada pada tahap 10.24% setakat Mei 2024, bolehkah Kerajaan Negeri mempertimbangkan untuk memperuntukkan sebahagian daripada lebihan rizab ini bagi tujuan pembangunan dan penambahan fasiliti awam khasnya di Bandar Puncak Alam? | **PWN** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **4.** | **MAJLIS KEMAHIRAN PEKERJAAN SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Berdasarkan peruntukan RM1 juta yang dibentangkan dalam Belanjawan Selangor 2024 bagi kegunaan Majlis Kemahiran dan Pekerjaan Selangor, apakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh majlis tersebut setakat pertengahan tahun 2024 ini? | **PEJ. MB** | |
| | **b)** | Apakah butiran perbelanjaan dana yang telah digunapakai bagi tujuan di atas? | **PEJ. MB** | |
| | **c)** | Apakah kaedah penyaluran maklumat yang ditetapkan untuk hebahan peluang pekerjaan daripada pemain industri kepada orang awam? | **PEJ. MB** | |
| | | | | |
| **5.** | **LAWATAN KERJA RASMI KERAJAAN NEGERI KE JERMAN** | | | |
| | **a)** | Susulan lawatan kerja rasmi Kerajaan Negeri ke Jerman bermula 19 April 2024, apakah butiran kejayaan ekonomi yang telah diraih termasuk Pelaburan Langsung Asing (FDI) yang dibawa masuk ke Negeri Selangor hasil daripada lawatan ini? | **INVEST** | |
| | **b)** | Sektor manakah yang menerima manfaat terbesar daripada lawatan ini? | **INVEST** | |
| | | | | |
| **6.** | **KUMPULAN PERANGSANG SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Berdasarkan analisis kewangan Kumpulan Perangsang Selangor yang diterbitkan dalam Laporan Kewangan Negeri Selangor 2023, apakah langkah mitigasi Kerajaan Negeri dalam meningkatkan Pendapatan Sebelum Faedah, Cukai, Susut Nilai dan Pelunasan (EBITDA) yang baru sahaja mencatatkan nilai terendah pada tahun 2023? | **KPS** | |
| | **b)** | Apakah justifikasi di sebalik kemerosotan pendapatan suku-ke-suku (QoQ) tahunan syarikat yang telah merosot sehingga 17.87%? | **KPS** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **7.** | **PECAHAN PERUNTUKAN SEKOLAH AGAMA** | | | |
| | **a)** | Daripada dana berjumlah RM101,917,422 yang diperuntukkan Kerajaan Negeri untuk 576 sekolah agama yang dikendalikan JAIS di Selangor pada tahun ini, berapakah jumlah yang telah digunapakai untuk menyelenggara fasiliti dan kemudahan? | **JAIS** | |
| | **b)** | Berapakah jumlah yang telah digunapakai untuk pembayaran emolumen? | **JAIS** | |
| | **c)** | Berapakah unjuran jumlah keseluruhan yang akan dibelanjakan menjelang akhir tahun 2024 bagi kedua-dua jenis perbelanjaan (a) dan (b) di atas? | **JAIS** | |
| | | | | |
| **8.** | **PEMBANGUNAN BOLA SEPAK SETEMPAT** | | | |
| | **a)** | Senaraikan bantuan dan insentif yang disediakan Kerajaan Negeri untuk pembangunan sukan bola sepak khususnya kelab-kelab lokal setempat di DUN Jeram yang memerlukan suntikan dana pengurusan dan latihan. | **MSNS** | |
| | | | | |
| **9.** | **KEMUDAHAN WIFI SELANGORKU** | | | |
| | **a)** | Apakah kadar kelajuan penembusan (*penetration speed rate*) terkini Wifi Selangorku di kawasan DUN Jeram beserta status semasa kerja-kerja penaiktarafan rangkaian gentian optik oleh SMARTSEL Sdn Bhd? | **SMART SEL** | |
| | | | | |
| **10.** | **PEMBIAKAN SERANGGA CHARLIE** | | | |
| | **a)** | Apakah langkah jangka panjang yang boleh dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri melalui agensi berkaitan untuk mengekang pembiakan serangga charlie yang berterusan menyerang penduduk di Pangsapuri Melodi Perdana, Bandar Puncak Alam? | **MPKS** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **( 35 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA<br>Y.B. DATO' NOORAZLEY BIN YAHYA<br>(BUKIT MELAWATI)** | | | | |
| **1.** | **PELESTARIAN PELANCONGAN SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk proses pelestarian infrastruktur pelancongan di Negeri Selangor secara keseluruhan? | **TSSB** | |
| | **b)** | Berapakah jumlah pelancong yang telah datang untuk<br>melancong ke Negeri Selangor sempena Tahun Melawat Selangor 2024 setakat suku pertama tahun ini? Berapakah jumlah pendapatan yang berjaya dijana oleh Negeri Selangor hasil daripada sektor pelancongan ini? | **TSSB** | |
| | **c)** | Apakah inisiatif tuntas Kerajaan Negeri dalam memastikan potensi sektor pelancongan negeri terus diperkembang? | **TSSB** | |
| | | | | |
| **2.** | **KETERJAMINAN SEKURITI MAKANAN NEGERI SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Apakah tahap semasa jaminan bekalan makanan dalam negeri atau *Self Sufficiency Level* (SSL) Negeri<br>Selangor? | **SEKTORAL** | |
| | **b)** | Adakah 5 teras utama dalam Dasar Pelan Transformasi Agro Selangor (PeTA) telahpun dilaksanakan? Apakah contoh pelaksanaannya? | **SEKTORAL** | |
| | | | | |
| **3.** | **INISIATIF KERJAYA SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Senaraikan lokasi jelajah Kerjaya Selangor bagi tahun 2024. | **SEKTORAL** | |
| | **b)** | Nyatakan agensi-agensi dan syarikat yang terlibat dalam menjayakan jelajah Kerjaya Selangor. | **SEKTORAL** | |
| | **c)** | Adakah Kerjaya Selangor bercadang untuk mengadakan atau menambah program kompetensi bagi tujuan meningkatkan kebolehpasaran tenaga kerja sedia ada? | **SEKTORAL** | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |
| **4.** | **PENYELENGGARAAN GELANGGANG** | | | |
| | **a)** | Nyatakan agensi yang bertanggungjawab untuk menyelenggara semua gelanggang terutama di Daerah Kuala Selangor. | **PDT KS / MPKS** | |
| | **b)** | Berapakah peruntukan tahunan yang diberikan untuk menyelenggara gelanggang yang uzur dan siapakah yang menerima peruntukan tersebut? | **PDT KS / MPKS** | |
| | **c)** | Adakah kutipan yuran atau sebarang bayaran sebagai contoh oleh pihak JPKK atau KRT adalah dibenarkan? Jika ya, adakah terdapat garis panduan spesifik berkenaan kutipan tersebut? | **PDT KS / MPKS** | |
| | | | | |
| **5.** | **PEMERKASAAN WANITA** | | | |
| | **a)** | Apakah ikhtiar Kerajaan Negeri untuk membantu usahawan wanita? | **SEKTORAL** | |
| | **b)** | Adakah Kerajaan Negeri mempunyai bantuan atau latihan khas untuk membantu golongan ibu tunggal untuk memulakan perniagaan taska? | **SEKTORAL** | |
| | | | | |
| **6.** | **SKIM SMART SEWA** | | | |
| | **a)** | Nyatakan kaedah untuk memohon dan menyertai Skim Smart Sewa yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2022. | **LPHS** | |
| | **b)** | Berapakah jumlah perumahan yang telah dibina di bawah skim ini? Nyatakan pecahan mengikut kawasan. | **LPHS** | |
| | **c)** | Adakah Kerajaan Negeri bercadang mempelbagaikan jenis rumah dalam skim ini bagi membantu mereka yang berpendapatan rendah untuk memiliki rumah? | **LPHS** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **7.** | **LATIHAN USAHAWAN IT (SITEC)** | | | |
| | **a)** | Nyatakan bentuk program latihan yang disediakan dalam inisiatif ini. | **SITEC** | |
| | **b)** | Apakah prasyarat untuk menyertai latihan usahawan IT ini? Adakah agensi berkaitan menjalankan aktiviti *Reach-Out* untuk mempromosi dan memperkenalkan inisiatif ini kepada umum? | **SITEC** | |
| | **c)** | Apakah mekanisme yang digunakan dalam memastikan modul latihan adalah relevan dengan keadaan pasaran semasa? | **SITEC** | |
| | | | | |
| **8.** | **SKIM KESIHATAN WANITA (SKW)** | | | |
| | **a)** | Berapakah jumlah penerima manfaat di bawah skim kesihatan wanita di Negeri Selangor? | **SPBT** | |
| | **b)** | Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memperluas skim kepada servis kesihatan yang lain? | **SPBT** | |
| | | | | |
| **9.** | **ILTIZAM SELANGOR PENYAYANG** | | | |
| | **a)** | Nyatakan jumlah yang telah dibelanjakan beserta jumlah penerima manfaat mengikut pecahan inisiatif di dalam Iltizam Penyayang Selangor. | **SEKTORAL** | |
| | | | | |
| **10.** | **KOMPLEKS SUKAN KUALA SELANGOR** | | | |
| | **a)** | Apakah terdapat usaha untuk menaiktaraf kompleks sukan Kuala Selangor kepada Kuala Selangor Sports City dengan kelengkapan yang lebih baik dan moden? | **MPKS** | |
| | **b)** | Apakah kadar sewaan semasa Stadium Kuala Selangor? Adakah terdapat kadar sewaan khas untuk kegunaan institusi pendidikan seperti kolej dan sekolah? | **MPKS** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **( 36 )<br>PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA<br>Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI<br>(HULU KELANG)** | | | | |
| **1.** | **KAWALAN PEMBANGUNAN GUNA TANAH (*LANDUSE LIMITATIONS*)** | | | |
| | **a)** | Apakah asas kelulusan projek pembangunan 570 unit pangsapuri yang mengandungi 2 blok setinggi 34 tingkat di atas Lot 1237 dan Lot 1240, Mukim Hulu Kelang untuk Maxims Circle Development Sdn Bhd dan beberapa projek pembangunan berkepadatan tinggi di kawasan yang sama? Nyatakan kawalan pembangunan guna tanah (*landuse limitations*) dalam Rancangan Tempatan yang digunapakai. | **MPAJ** | |
| | | | | |
| **2.** | **PELABURAN KERAJAAN NEGERI DALAM AGENSI DAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI** | | | |
| | **a)** | Senaraikan agensi dan syarikat Kerajaan Negeri yang menerima pelaburan dari Kerajaan Negeri serta jumlah pelaburan. Kerajaan Negeri diminta untuk menyenaraikan syarikat yang membayar dividen dan jumlah dividen yang diterima daripada setiap pelaburan mulai tahun 2018 sehingga 2023. | **PWN** | |
| | | | | |
| **3.** | **PINJAMAN KERAJAAN NEGERI KEPADA PIHAK BERKUASA TEMPATAN** | | | |
| | **a)** | Nyatakan jumlah pinjaman yang diberikan kepada setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mulai tahun 2018 sehingga 2023 dan baki pinjaman bagi setiap PBT untuk tahun 2023 berbanding tahun sebelum. | **PWN** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 4. | **RANCANGAN STRUKTUR NEGERI SELANGOR 2035** | | | |
| | **a)** | Apakah jaminan Kerajaan Negeri untuk memastikan pengubahan Rancangan Struktur (RS) Negeri Selangor 2035 akan menyatakan dengan jelas tidak ada pembangunan *High Intensity* di kawasan sensitif alam sekitar, kawasan risiko bahaya dan kawasan risiko bencana di seluruh Negeri Selangor? | **JPBD** | |
| | | | | |
| 5. | **RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA** | | | |
| | **a)** | Apakah bantahan yang diambilkira dan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran (JKSTP) setelah mendengar bantahan penduduk dan pihak berkepentingan mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dalam Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Ampang Jaya 2035? | **MPAJ** | |
| | | | | |
| 6. | **PENJUALAN *DEVELOPMENT RIGHTS* PJ SENTRAL OLEH PKNS** | | | |
| | **a)** | Nyatakan status 13 unit pangsapuri mewah St. Regis sebagai pulangan atau asset swap kepada PKNS yang menjual *development rights* PJ Sentral kepada MRCB. Apakah masih dalam pegangan PKNS? Sekiranya tidak, apakah unit-unit berkenaan telah disewa dan nyatakan secara terperinci jumlah hasil sewaan bagi setiap unit yang diterima sehingga 31 Mei 2024? | **PKNS** | |
| | | | | |
| 7. | **PERKHIDMATAN *DEMAND RESPONSIVE TRANSIT* (DRT)** | | | |
| | **a)** | Asia Mobility Technologies Sdn Bhd (Asia Mobiliti) telah dilantik untuk menyediakan perkhidmatan *Demand Responsive Transit* (DRT) di empat lokaliti dalam Negeri Selangor. Apakah nilai kontrak yang diberikan kepada Asia Mobiliti dan jelaskan proses pelantikan secara terperinci termasuk terma-terma dalam perjanjian pelantikan? Nyatakan dana yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk projek Selangor Mobility. | **MBI** | |
| | | | | |

| BIL. | | TAJUK | TINDAKAN | ULASAN/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 8. | **ZON GUNA TANAH** | | | |
| | a) | Peta cadangan guna tanah di dalam Deraf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Ampang Jaya 2035 bagi Blok Perancangan (BP) 6 menunjukkan zon guna tanah Tanah Lapang yang diperuntukkan bagi Taman Tun Abdul Razak (TAR) telah ditukar kepada kediaman. Siapakah yang memberi kelulusan terhadap perubahan zon guna tanah ini? | **MPAJ** | |
| | | | | |
| 9. | **UNIVERSITI SELANGOR - GERAN PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (GPPSTI)** | | | |
